



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



PERKESO

# PANDUAN PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL PERKESO





KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



PERKESO

# **PANDUAN PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL PERKESO**

## 04 PENGENALAN

### 05 AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4]

06	Akta dan Peraturan
06	Majikan
07	Pekerja
08	Takrif Gaji
09	Caruman
11	Skim Perlindungan (LINDUNG Pekerja) di bawah Akta 4
11	Skim Bencana Pekerjaan
15	Skim Keilatan
19	Perlindungan Keselamatan Sosial (LINDUNG Pekerja) untuk Pekerja Asing
21	Skim Bencana Kerja Pekerja Asing
24	Skim Keilatan Pekerja Asing
28	Perlindungan Keselamatan Sosial (LINDUNG Pekerja) untuk Pekerja Domestik
30	Program <i>Return To Work</i> (RTW)
30	Program Saringan Kesihatan (HSP)
31	Pusat Rehabilitasi PERKESO
32	Rayuan
33	Tindakan Pengkompaunan
35	Jadual Kadar Caruman di bawah Akta 4

### 39 AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI 2017 [AKTA 789]

40	Pengenalan
40	Liputan Perlindungan
40	Syarat Kelayakan Mencarum
40	Dokumen Diperlukan
41	Liputan Sektor Pekerjaan
41	Jadual Pilihan Caruman di bawah Akta 789
42	Cara Pendaftaran dan Pembayaran Caruman
43	Faedah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (LINDUNG Kendiri)

## **45 AKTA SISTEM INSURANS PEKERJAAN 2017 [AKTA 800]**

46	Pengenalan
46	Liputan
46	Kadar Caruman
47	Faedah Sistem Insurans Pekerjaan (LINDUNG Kerjaya)
48	Syarat Kelayakan Faedah Sistem Insurans Pekerjaan (LINDUNG Kerjaya)
49	Cara Membuat Permohonan
50	Portal Pencarian Pekerjaan MYFutureJobs
51	Jadual Kadar Caruman di bawah Akta 800

## **55 AKTA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2022 [AKTA 838]**

56	Pengenalan
56	Definisi Suri Rumah
56	Syarat Kelayakan
57	Caruman Suri Rumah
57	Kaedah Pendaftaran dan Pembayaran Caruman
57	Faedah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (LINDUNG Kasih)
58	Skim Bencana Domestik
60	Skim Keilatan

## **62 DIREKTORI PEJABAT PERKESO**


## **66 SALURAN KHIDMAT PELANGGAN**

## PENGENALAN

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan pada tahun 1971. Peranan utama penubuhannya adalah untuk mentadbir, melaksana dan menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] dan Peraturan-Peraturan (Am) Sosial Pekerja 1971, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789], Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] dan Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 [Akta 838].

PERKESO menyediakan rangkaian perlindungan keselamatan sosial yang komprehensif kepada Orang Berinsurans melalui pelaksanaan akta-akta yang ditetapkan.

PERKESO kini menjenamakan semula semua akronim skim di bawahnya dengan nama 'LINDUNG' – satu langkah yang mencerminkan komitmen berterusan dalam memastikan setiap pencarum dan tanggungan mereka sentiasa mendapat perlindungan sosial yang sewajarnya. Nama 'LINDUNG' dipilih kerana ia mudah diingati dan membawa mesej yang jelas: PERKESO sentiasa bersama anda, memberi perlindungan ketika diperlukan.



# AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4]



# AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4]

## Akta dan Peraturan

Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971 terpakai kepada semua perusahaan yang mempunyai seorang pekerja atau lebih.

## Majikan

Majikan terbahagi kepada dua kategori iaitu majikan utama dan majikan langsung.

### Majikan Utama

Majikan yang mengambil pekerja secara terus di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan. Semua urusan perkhidmatan dan pembayaran gaji diuruskan oleh majikan utama.

### Majikan Langsung

Majikan yang mengambil pekerja dan menjalankan kerja di bawah penyeliaan majikan utama. Ini termasuk seseorang yang telah membuat suatu kontrak perkhidmatan dengan seorang pekerja dan meminjamkan atau menyewakan bagi sementara waktu perkhidmatan pekerja tersebut kepada majikan utama.





### Pendaftaran Majikan dan Pekerja

Majikan dan pekerja baharu mesti didaftarkan dengan PERKESO dalam tempoh tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh Akta dipakai bagi perusahaan itu. Bagi tujuan pendaftaran, majikan dikehendaki mendaftar di Portal ASSIST untuk pengaktifan ID pengguna untuk membuat pendaftaran secara atas talian.

### Rekod Daftar Pekerja

Majikan hendaklah mengemaskini dan menyimpan rekod daftar pekerja yang menunjukkan butiran berikut bagi setiap bulan untuk setiap pekerja:

- Nama
- Nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara
- Pekerjaan
- Butiran caruman
- Gaji bulanan
- Elaun

Daftar pekerja dan semua rekod bayaran caruman hendaklah disimpan selama 7 tahun dari tarikh catatan terakhir.

## Pekerja

**Semua pekerja seperti berikut adalah wajib didaftarkan dan dicarumkan:**

- Warganegara Malaysia
- Pemastautin Tetap
- Pemegang Kad Pemastautin Sementara (Kad Pengenalan Hijau)
- Pekerja Asing yang sah
- Pekerja Domestik Tempatan/Asing

## AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4]

### Kelayakan Pekerja di bawah Akta 4 (Pekerja Tempatan/Asing)

LAYAK	TIDAK LAYAK
Pekerja kontrak perkhidmatan atau kontrak perantisan	Kakitangan Kerajaan Persekutuan/ Negeri bertaraf tetap
Pekerja berstatus sambilan, kontrak atau sementara	Orang Bekerja Sendiri
Kakitangan Kerajaan Persekutuan/ Negeri bertaraf kontrak dan sementara	Pemilik tunggal atau pekongsi
Kakitangan Badan Berkanun Persekutuan/Negeri	Pekerjaan berasaskan kontrak untuk sesuatu perkhidmatan ( <i>Contract for Service</i> )
Pekerjaan berasaskan kontrak perkhidmatan ( <i>Contract of Service</i> )	
Pekerja domestik	

### Takrif Gaji

Semua pembayaran berbentuk wang kepada pekerja dianggap sebagai gaji yang layak dicarumkan dengan PERKESO. Semua pembayaran tersebut yang dibayar kepada pekerja sama ada bayaran mengikut jam, harian, mingguan, bulanan, hasil kerja (*piece rated/task rated*) adalah dianggap sebagai gaji. Pembayaran berkenaan adalah:

LAYAK	TIDAK LAYAK
Gaji/Upah	Pembayaran oleh majikan kepada tabung kumpulan pekerja
Elaun kerja lebih masa	Pembayaran ke atas tuntutan perjalanan
Komisyen dan caj perkhidmatan	Pembayaran ke atas persaraan atau pemberhentian pekerja
Bayaran cuti sakit, bersalin, rehat, kelepasan am dan sebagainya	Bonus tahunan
Elaun-elaun insentif, syif, makan, sara hidup, perumahan dan sebagainya	

## Caruman

Majikan perlu membayar caruman bulanan bagi setiap pekerja yang layak mengikut kadar yang telah ditetapkan di bawah Akta.

Kadar caruman di bawah Akta 4 ini terbahagi seperti jadual di bawah:

Kadar caruman bulanan WAJIB dibayar	SYER	SKIM BENCANA KERJA	SKIM KEILATAN	JUMLAH CARUMAN
	Majikan		1.25%	0.5%
Pekerja		-	0.5%	0.5%

### Caruman Jenis Pertama (Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan)

- Untuk pekerja yang berumur kurang daripada 60 tahun, caruman perlu dibayar oleh majikan dan pekerja untuk Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan
- Semua pekerja yang belum mencapai umur 60 tahun perlu dicarumkan mengikut Kadar Caruman Jenis Pertama kecuali bagi pekerja yang telah mencapai umur 55 tahun dan tiada caruman telah dibayar sebelumnya
- Kadar caruman di bawah jenis ini adalah terdiri daripada 1.75% syer majikan dan 0.5% syer pekerja daripada gaji bulanan pekerja

### Caruman Jenis Kedua (Skim Bencana Pekerjaan)

- Semua pekerja yang telah mencapai umur 60 tahun perlu dicarumkan di bawah jenis kedua bagi perlindungan Skim Bencana Pekerjaan sahaja
- Pekerja baharu dan tidak pernah dicarumkan dengan PERKESO sebelum ini serta telah mencapai umur genap 55 tahun, pekerja tersebut perlu dicarumkan di bawah jenis kedua
- Kadar caruman di bawah jenis ini adalah terdiri daripada syer majikan sahaja iaitu 1.25% daripada gaji bulanan pekerja

### Tempoh Pembayaran Caruman

- Caruman hendaklah dibayar tidak lewat daripada 15 hari bulan bagi caruman bulan sebelumnya (contoh; caruman bulan Januari 2025 hendaklah dibayar tidak lewat daripada 15 Februari 2025)

### Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB)

- FCLB akan dikenakan pada kadar 6% setahun bagi tiap-tiap satu hari caruman yang tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan

### Pemberhentian Sebagai Majikan

## AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4]

Setiap majikan yang berhenti daripada menjadi majikan (majikan aktif tetapi tiada pekerja, majikan tutup sementara dan majikan tamat perusahaan) hendaklah mengemukakan permohonan melalui Portal ASSIST PERKESO dengan memuat naik Borang 1A bersama dokumen berkaitan dalam tempoh 30 hari dari tarikh tersebut.

### Saluran Pembayaran Akta 4 & Akta 800

#### Penjanaaan ACR dan ECR

Majikan dikehendaki mengemukakan rekod pembayaran caruman pekerja melalui penjanaaan ACR (*Acknowledgement Contribution Received*) bagi Akta 4 dan ECR (*Employee Contribution Received*) bagi Akta 800 di dalam Portal ASSIST untuk membolehkan majikan membuat pembayaran secara atas talian.

Pembayaran caruman boleh dibuat melalui saluran seperti berikut :-

- 1. Portal ASSIST** - Majikan perlu mempunyai akaun perbankan internet dengan mana-mana bank yang menyediakan perkhidmatan FPX manakala bagi *Direct Debit* majikan perlu membuat permohonan melalui portal ASSIST.
  - *Financial Process Exchange (FPX)*
  - *Direct Debit Authorization (DDA)*
- 2. Aplikasi Prihatin** - Majikan boleh memuat turun aplikasi mudah alih PRIHATIN melalui *Google Play Store* atau *App Store* (majikan domestik sahaja).
- 3. Perbankan Internet** - Majikan perlu berdaftar dan mempunyai akaun di bank-bank yang telah dilantik.
- 4. Kaunter Bank** - Majikan perlu menjana ACR/ECR sehari sebelum membuat pembayaran.
  - Maybank
  - Public Bank

#### Nota:

Majikan perlu berdaftar dan mempunyai akaun di bank yang telah dilantik oleh PERKESO, dan senarai perbankan boleh didapati di pautan [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my)

## Skim Perlindungan (LINDUNG Pekerja) di bawah Akta 4

Di bawah AKSP 1969, PERKESO menyediakan dua Skim Perlindungan Keselamatan Sosial (LINDUNG Pekerja) kepada pekerja iaitu Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan.

### Skim Bencana Pekerjaan

Skim Bencana Pekerjaan memberi perlindungan kepada pekerja yang mengalami kemalangan atau suatu penyakit khidmat yang terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya. Perlindungan di bawah skim ini meliputi kemalangan berikut:

**i. Kemalangan perusahaan semasa menjalankan pekerjaannya**

**ii. Kemalangan semasa dalam perjalanan:**

- mengikut laluan di antara tempat kediamannya atau tempat tinggalnya dengan tempat kerjanya;
- yang dibuat bagi apa-apa sebab yang secara langsung berkaitan dengan penggajiangannya; atau
- di antara tempat kerjanya dengan tempat makan dalam masa rehat yang dibenarkan.

**iii. Kemalangan semasa kecemasan**

Kemalangan yang berlaku semasa pekerja berada dalam atau berdekatan dengan mana-mana premis tempat bekerjanya bagi tujuan menyelamatkan, membantu atau melindungi orang yang mendapat bencana atau bahaya semasa kecemasan.

**iv. Penyakit khidmat**

Penyakit yang berpunca atau terbit daripada pekerjaan sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Kelima, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Antara contoh penyakit khidmat adalah:

- Hilang pendengaran disebabkan oleh tekanan bunyi tinggi yang berterusan
- Penyakit asma disebabkan oleh pekerjaan yang melibatkan pendedahan berterusan kepada sedutan habuk atau bahan kimia yang berbahaya dan sebagainya

## AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4]

Faedah-faedah yang disediakan di bawah Skim Bencana Pekerjaan adalah:-



### Faedah Perubatan

Pekerja yang ditimpa bencana pekerjaan boleh mendapatkan rawatan perubatan secara percuma di klinik panel PERKESO atau klinik/hospital kerajaan; atau membuat tuntutan bayaran ganti belanja kos rawatan perubatan di Pejabat PERKESO.

- **Bayaran Ganti Belanja**

Bagi caj rawatan yang diperolehi daripada klinik/hospital bukan panel PERKESO, majikan atau pekerja boleh mengemukakan permohonan tuntutan ganti belanja dan bayaran tertakluk kepada kadar yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan atau mengikut Akta Fi 1951.

### Faedah Hilang Upaya Sementara

- **Tempoh Hilang Upaya Sementara**

Faedah Hilang Upaya Sementara dibayar kepada pekerja sepanjang tempoh cuti sakitnya yang disahkan oleh doktor dan mestilah sekurang-kurangnya 4 hari termasuk hari kemalangan.

- **Kadar Faedah Hilang Upaya Sementara**

Kadar harian Faedah Hilang Upaya Sementara adalah 80% daripada gaji harian purata anggapan pekerja. Kadar minimum bayaran faedah adalah **RM30.00** sehari dan maksimum **RM158.67** sehari.

## Faedah Hilang Upaya Kekal

Pekerja yang mengalami hilang upaya kekal akibat bencana pekerjaan boleh memohon setelah selesai pembayaran Faedah Hilang Upaya Sementara atau telah mencapai Tahap Kesembuhan Maksimum (*Maximum Medical Improvement*).

### i. Kadar Faedah Hilang Upaya Kekal

Kadar harian Faedah Hilang Upaya Kekal adalah 90% daripada gaji harian purata anggapan pekerja tertakluk kepada kadar minimum **RM30.00** sehari dan maksimum **RM178.50** sehari.

## Elaun Layanan Sentiasa

Pekerja yang menerima taksiran hilang upaya langsung yang kekal (100 peratus), layak menerima elaun ini dengan pengesyoran Jemaah Doktor, Jemaah Doktor Khas atau Jemaah Doktor Rayuan. Kadar elaun ini adalah **RM500.00** sebulan.

## Kemudahan Pemulihan Jasmani/Vokasional/Return To Work (RTW)

Kemudahan ini diberikan kepada pekerja yang layak dalam bentuk:

### i. Pemulihan jasmani termasuk:

- Fisioterapi
- Terapi pekerjaan
- Pembedahan rekonstruktif
- Bekalan prostetik, ortotik dan lain-lain alat
- Bekalan ortopedik seperti kerusi roda, tongkat, alat pendengaran, cermin mata, kasut khas dan lain-lain

### ii. Pemulihan vokasional termasuk:

Latihan dalam bidang seperti elektrik, jahitan, membaiki telefon bimbit, menaip dan lain-lain.

### Nota:

Semua perbelanjaan kemudahan pemulihan di atas ditanggung oleh PERKESO mengikut kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan.

# AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4]

## Faedah Orang Tanggungan

Orang tanggungan layak menerima faedah ini sekiranya pekerja terlibat meninggal dunia akibat bencana pekerjaan.

## Kadar Faedah Harian yang akan dibayar

- Kadar harian adalah 90% daripada gaji harian purata anggapan pekerja tertakluk kepada kadar minimum **RM30.00** sehari dan maksimum **RM178.50** sehari.

## Syer Orang Tanggungan

- Orang tanggungan dan syer kadar harian adalah seperti berikut:

ORANG TANGGUNGAN	SYER KADAR HARIAN	KETERANGAN
<b>Balu/Duda</b>	3/5	Layak menerima faedah seumur hidup meskipun balu atau duda berkahwin semula.
<b>Anak</b> Semua anak yang memenuhi syarat layak mendapat faedah termasuk anak kandung, anak tiri yang disara, anak angkat atau anak tidak sah taraf	2/5	<ul style="list-style-type: none"><li>• Layak menerima faedah sehingga mencapai umur 21 tahun atau berkahwin (yang mana terdahulu)</li><li>• Jika sedang belajar di Institut Pengajian Tinggi, faedah dibayar sehingga mendapat ijazah pertama atau berkahwin (yang mana terdahulu)</li><li>• Bagi anak yang terencat akal atau menjadi tidak berupaya secara fizikal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri, layak menerima faedah selama tidak berupaya menyara kehidupan.</li></ul>

Jika tidak meninggalkan balu atau duda atau anak, ia akan dibayar kepada:-

ORANG TANGGUNGAN	SYER KADAR HARIAN	KETERANGAN
<b>Ibu/Bapa</b>	4/10	Layak menerima faedah seumur hidup
<b>Adik-beradik</b>	3/10	Layak menerima faedah sehingga mencapai umur 21 tahun atau berkahwin (yang mana terdahulu)
<b>Nenek/Datuk</b> (sekiranya ibu bapa dan adik-beradik tiada)	4/10	Layak menerima faedah seumur hidup

## Faedah Pengurusan Mayat

Amaun maksimum sebanyak **RM3,000.00** (berkuatkuasa mulai 1 Jun 2024) akan dibayar sekiranya seseorang pekerja meninggal dunia akibat daripada bencana pekerjaan atau semasa menerima Faedah Hilang Upaya Kekal berkala. Pembayaran faedah akan dibuat kepada waris yang layak atau pihak yang menanggung kos pengebumian.

## Faedah Pendidikan

Faedah Pendidikan merupakan kemudahan dalam bentuk pinjaman kepada anak tanggungan sekiranya seseorang pekerja:

- Meninggal dunia akibat bencana pekerjaan;
- Menerima bayaran berkala Faedah Hilang Upaya Kekal.

### Nota:

Pemohonan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan PERKESO.

## Skim Keilatan

Orang Berinsurans dianggap sebagai menghidap keilatan apabila mengalami suatu keuzuran yang berkekalan sama ada tidak boleh diubahi atau tidak mungkin sembuh serta tidak berupaya mencari nafkah dengan kerja yang berpadanan dengan kekuatan dan tenaganya, sekurang-kurangnya satu pertiga ( $1/3$ ) daripada keupayaan pekerja yang normal.

Skim ini memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja dari keilatan atau kematian akibat daripada sebarang sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaan.

## Faedah di bawah Skim Keilatan



Pencen Ilat



Bantuan Ilat



Pencen Penakat



Elaun Layanan Sentiasa



Faedah Pengurusan Mayat



Kemudahan Pemulihan Jasmani / Vokasional / Return To Work (RTW) dan dialisis



Faedah Pendidikan

## AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4]

### Pencen Ilat

- Dibayar kepada pekerja yang layak dan disahkan menghidap keilangan oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan.
- Dibayar bermula dari tarikh Notis Keilangan diterima atau tarikh pemberhentian pekerjaan mengikut mana yang terkemudian.
- Dibayar selama pekerja mengalami keilangan atau hingga meninggal dunia.

### Syarat Kelayakan

- Belum mencapai umur 60 tahun pada masa Notis Keilangan diterima; atau
- Sekiranya pekerja telah mencapai umur 60 tahun dan ke atas pada masa Notis Keilangan diterima, Orang Berinsurans perlu menunjukkan keterangan bahawa:
  - i. Kezuran terjadi sebelum umur 60 tahun dan tidak lagi bekerja yang menguntungkan sejak itu
  - ii. Disahkan menghidap keilangan oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan
  - iii. Memenuhi syarat kelayakan caruman yang telah ditetapkan sama ada tempoh kelayakan penuh atau dikurangkan

### Kadar Pencen Ilat

Kadar Pencen Ilat yang layak diterima adalah dari 50% hingga 65% daripada gaji bulanan purata anggapan tertakluk kepada pencen minimum sebanyak **RM550.00** sebulan dan maksimum **RM3,867.50** sebulan.

### Bantuan Ilat

Bantuan Ilat dibayar kepada Orang Berinsurans yang disahkan keilangan oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan tetapi tidak layak menerima Pencen Ilat kerana tidak memenuhi mana-mana tempoh kelayakan caruman.

Amaun Bantuan Ilat ini adalah sama banyaknya dengan jumlah caruman yang telah dibayar oleh pekerja dan majikan untuk Skim Keilangan termasuk faedahnya. Ianya adalah merupakan bayaran pukal sekali sahaja.

### Pencen Penakat

Pencen Penakat dibayar kepada orang tanggungan yang layak apabila Orang Berinsurans meninggal dunia akibat sebarang sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaan.

### Syarat Kelayakan

- Orang Berinsurans meninggal dunia sebelum mencapai umur 60 tahun dan memenuhi syarat kelayakan caruman;
- Orang Berinsurans meninggal dunia semasa sedang menerima Pencen Ilat tanpa mengambil kira had umurnya.

### Kadar Pencen Penakat

Kadar Pencen Penakat yang layak diterima adalah dari 50% hingga 65% daripada gaji bulanan purata anggapan tertakluk kepada pencen minimum sebanyak **RM550.00** sebulan dan maksimum **RM3,867.50** sebulan.

## Syer Orang Tanggungan

- Orang tanggungan bagi Faedah Pencen Penakat adalah seperti berikut:

ORANG TANGGUNGAN	SYER KADAR HARIAN	KETERANGAN
<b>Balu/Duda</b>	3/5	Layak menerima faedah seumur hidup meskipun balu atau duda berkahwin semula.
<b>Anak</b> Semua anak yang memenuhi syarat layak mendapat faedah termasuk anak kandung, anak tiri yang disara, anak angkat atau anak tidak sah taraf	2/5	<ul style="list-style-type: none"><li>• Layak menerima faedah sehingga mencapai umur 21 tahun atau berkahwin (yang mana terdahulu)</li><li>• Jika sedang belajar di Institut Pengajian Tinggi, faedah dibayar sehingga mendapat ijazah pertama atau berkahwin (yang mana terdahulu)</li><li>• Bagi anak yang terencat akal atau menjadi tidak berupaya secara fizikal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri, layak menerima faedah selama tidak berupaya menyara kehidupan.</li></ul>

Jika tidak meninggalkan balu atau duda atau anak, ia akan dibayar kepada:-

ORANG TANGGUNGAN	SYER KADAR HARIAN	KETERANGAN
<b>Ibu/Bapa</b>	4/10	Layak menerima faedah seumur hidup
<b>Adik-beradik</b>	3/10	Layak menerima faedah sehingga mencapai umur 21 tahun atau berkahwin (yang mana terdahulu)
<b>Nenek/Datuk</b> (sekiranya ibu bapa dan adik-beradik tiada)	4/10	Layak menerima faedah seumur hidup

## Elaun Layanan Sentiasa

Orang Berinsurans yang disahkan menghidap keilatan dan tidak berdaya dengan teruknya hingga sentiasa memerlukan layanan tersendiri oleh seseorang lain, layak menerima elaun ini dengan pengesyoran Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan. Jumlah bayaran ini adalah **RM500.00** sebulan.

## Faedah Pengurusan Mayat

Amaun maksimum sebanyak **RM3,000.00** sahaja (berkuatkuasa mulai 1 Jun 2024) akan dibayar sekiranya seseorang pekerja meninggal dunia akibat sebarang sebab. Pembayaran faedah akan dibuat kepada waris yang layak atau pihak yang menanggung kos pengebumian.

## AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4]

### Kemudahan Pemulihan Jasmani/Vokasional/Dialisis

Kemudahan ini diberikan kepada pekerja yang layak dalam bentuk:

**i. Pemulihan jasmani, di antaranya:**

- Fisioterapi
- Terapi pekerjaan
- Pembedahan rekonstruktif
- Bekalan prostetik, ortotik dan lain-lain alat
- Bekalan ortopedik seperti kerusi roda, tongkat, alat pendengaran, cermin mata, kasut khas dan lain-lain

**ii. Pemulihan vokasional, di antaranya:**

- Latihan dalam bidang seperti elektrik, jahitan, membaiki telefon bimbit, menaip dan lain-lain.

**iii. Kemudahan dialisis bagi Orang Berinsurans yang menghidap sakit buah pinggang kronik termasuk:**

- Rawatan haemodialisis di pusat dialisis panel dan bukan panel PERKESO atau hospital kerajaan
- Rawatan kaedah *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD)
- Bayaran pembedahan *Arteriovenous (AV) Fistula*
- Bantuan subsidi suntikan *Erythropoietin* (EPO)
- Bantuan subsidi pembelian ubat *Immunosuppressant*

\*Semua perbelanjaan kemudahan pemulihan di atas ditanggung oleh PERKESO mengikut kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan.

### Faedah Pendidikan

Faedah pendidikan merupakan kemudahan dalam bentuk pinjaman disediakan kepada:

- Anak Penerima Pencen Ilat; atau
- Anak Penerima Pencen Penakat

#### Nota:

Permohonan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan PERKESO.

## Perlindungan Keselamatan Sosial (LINDUNG Pekerja) untuk Pekerja Asing

### Pengenalan

Mulai 1 Januari 2019, semua majikan wajib mendaftar pekerja asing dengan PERKESO di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4].

**Pekerja asing termasuk ekspatriat dan pekerja domestik asing adalah dilindungi di bawah skim-skim berikut:**

#### Skim Bencana Kerja Pekerja Asing

Perlindungan kepada pekerja asing yang mengalami kemalangan atau suatu penyakit khidmat yang berpunca atau terbit daripada pekerjaannya. Perlindungan di bawah skim ini meliputi kemalangan berikut:

- Kemalangan semasa menjalankan pekerjaan
- Kemalangan semasa dalam perjalanan seperti mengikut laluan di antara tempat kediaman atau tempat tinggal dengan tempat kerja, laluan di antara tempat kerja dengan tempat makan dalam masa rehat yang dibenarkan atau perjalanan dibuat bagi apa-apa sebab yang secara langsung berkaitan dengan penggajinya
- Kemalangan semasa kecemasan
- Penyakit khidmat

**Tarikh kuat kuasa: 1 Januari 2019**

#### Skim Keilatan Pekerja Asing

Perlindungan kepada pekerja asing yang menghidap keilatan atau keuzuran yang berkekalan mengakibatkan ketidakupayaan mencari nafkah dengan kerja yang berpadanan dengan kekuatan dan tenaganya, sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada keupayaan pekerja yang normal. Perlindungan meliputi keilatan atau kematian akibat sebarang sebab.

**Tarikh kuat kuasa: 1 Julai 2024**



# AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4]

## Syarat Kelayakan

- Mempunyai pasport yang sah; dan
- Mempunyai pas kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (contoh: Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS), Pas Penggajian dan lain-lain)

## Pendaftaran & Pembayaran Caruman

Pendaftaran pekerja asing hendaklah dilakukan oleh majikan dan majikan wajib memastikan caruman dibayar sepenuhnya mengikut kadar yang telah ditetapkan. Pendaftaran boleh dibuat di pejabat PERKESO atau secara dalam talian melalui Portal ASSIST PERKESO.

Kegagalan melaksanakan perkara tersebut adalah suatu kesalahan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] dan sekiranya disabit kesalahan, boleh didenda maksimum **RM10,000** atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

## Kadar Caruman:

Kadar caruman bulanan WAJIB dibayar	SYER	SKIM BENCANA KERJA	SKIM KEILATAN	JUMLAH CARUMAN
	Majikan	1.25%	0.5%	1.75%
	Pekerja Asing	-	0.5%	0.5%

Jenis caruman yang mandatori untuk pekerja asing adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:

### Kadar Caruman Jenis Pertama (Skim Bencana Kerja dan Skim Keilatan)

Bagi pekerja asing yang berumur di bawah 55 tahun ketika mula memasuki atau pertama kali mencarum di bawah Skim Keilatan PERKESO.

### Kadar Caruman Jenis Kedua (Skim Bencana Kerja)

- Bagi pekerja asing yang telah mencapai 55 tahun dan ke atas serta belum pernah memasuki atau mencarum di bawah Skim Keilatan PERKESO sebelum ini; atau
- Bagi pekerja asing telah mencapai umur 60 tahun dan masih bekerja.

## Skim Bencana Kerja Pekerja Asing

### Faedah di bawah Skim Bencana Kerja Pekerja Asing

#### Faedah Perubatan

Pekerja asing yang ditimpa bencana pekerjaan boleh mendapatkan rawatan perubatan secara percuma di klinik panel PERKESO atau klinik/hospital kerajaan; atau membuat tuntutan ganti belanja kos rawatan perubatan di Pejabat PERKESO berdasarkan kadar yang telah ditetapkan.

#### Faedah Hilang Upaya Sementara

##### i. Tempoh Hilang Upaya Sementara

Faedah Hilang Upaya Sementara dibayar kepada pekerja asing sepanjang tempoh cuti sakitnya yang disahkan oleh doktor dan mestilah sekurang-kurangnya 4 hari termasuk hari kemalangan. Walau bagaimanapun, Faedah Hilang Upaya Sementara TIDAK akan dibayar pada hari di mana pekerja asing hadir bekerja dan dibayar gaji.

##### ii. Kadar Faedah Hilang Upaya Sementara

Kadar harian Faedah Hilang Upaya Sementara adalah 80% daripada gaji harian purata anggapan pekerja. Kadar minimum bayaran faedah adalah **RM30.00** sehari dan maksimum **RM158.67** sehari.



## AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4]

### Faedah Hilang Upaya Kekal

Pekerja asing yang mengalami hilang upaya kekal akibat bencana pekerjaan boleh memohon faedah ini setelah selesai pembayaran Hilang Upaya Sementara atau mencapai Tahap Kesembuhan Maksimum (*Maximum Medical Improvement*).

#### i. Kadar Faedah Hilang Upaya Kekal

Kadar harian Faedah Hilang Upaya Kekal adalah 90% daripada gaji harian purata anggapan pekerja tertakluk kepada kadar minimum **RM30.00** sehari dan maksimum **RM178.50** sehari.

### Elaun Layanan Sentiasa

Pekerja asing yang menerima taksiran hilang upaya langsung yang kekal (100 peratus), layak menerima elaun ini dengan pengesyoran Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Khas atau Jemaah Doktor Rayuan. Jumlah bayaran ini adalah **RM500.00** sebulan.

### Kemudahan Pemulihan Jasmani

Kemudahan ini diberikan kepada pekerja asing yang layak dalam bentuk pemulihan jasmani termasuk:

- Fisioterapi
- Pembedahan rekonstruktif
- Bekalan prostetik, ortotik dan lain-lain alat
- Bekalan ortopedik seperti kerusi roda, tongkat, alat pendengaran, cermin mata, kasut khas dan lain-lain

Semua perbelanjaan kemudahan pemulihan di atas ditanggung oleh PERKESO mengikut kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan.

### Faedah Orang Tanggungan

Orang tanggungan layak menerima faedah ini sekiranya pekerja asing terlibat meninggal dunia akibat bencana pekerjaan.

#### Kadar Faedah Harian Yang Akan Dibayar

- Kadar harian adalah 90% daripada gaji harian purata anggapan pekerja tertakluk kepada kadar minimum **RM30.00** sehari dan maksimum **RM178.50** sehari.

#### Syer Orang Tanggungan

- Orang tanggungan dan syer kadar harian adalah seperti berikut:

ORANG TANGGUNGAN	SYER KADAR HARIAN	KETERANGAN
<b>Balu/Duda</b>	3/5	Layak menerima faedah seumur hidup meskipun balu atau duda berkahwin semula.
<b>Anak</b> Semua anak yang memenuhi syarat layak mendapat faedah termasuk anak kandung, anak tiri yang disara, anak angkat atau anak tidak sah taraf	2/5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Layak menerima faedah sehingga mencapai umur 21 tahun atau berkahwin (yang mana terdahulu)</li> <li>Jika sedang belajar di Institut Pengajian Tinggi, faedah dibayar sehingga mendapat ijazah pertama atau berkahwin (yang mana terdahulu)</li> <li>Bagi anak yang terencat akal atau menjadi tidak berupaya secara fizikal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri, layak menerima faedah selama tidak berupaya menyara kehidupan.</li> </ul>

Jika Pekerja Asing tidak meninggalkan balu atau duda atau anak, ia akan dibayar kepada:-

ORANG TANGGUNGAN	SYER KADAR HARIAN	KETERANGAN
<b>Ibu/Bapa</b>	4/10	Layak menerima faedah seumur hidup
<b>Adik-beradik</b>	3/10	Layak menerima faedah sehingga mencapai umur 21 tahun atau berkahwin (yang mana terdahulu)
<b>Nenek/Datuk</b> (sekiranya ibu bapa dan adik-beradik tiada)	4/10	Layak menerima faedah seumur hidup

### Faedah Pengurusan Mayat

Pembayaran faedah akan dibuat kepada waris yang layak atau pihak yang menanggung kos pengurusan jenazah. Jumlah bayaran adalah jumlah sebenar perbelanjaan ataupun maksimum amaun bayaran mengikut mana yang lebih rendah berdasarkan resit yang dikemukakan.

Amaun maksimum bayaran faedah ini adalah seperti di bawah:

- Jika kematian berlaku di Malaysia dan pengebumian berlaku di negara asal, bayaran tunai maksimum sebanyak **RM7,500.00** termasuk kos penghantaran pulang jenazah / abu ke negara asal. Nota: Hanya maksimum **RM4,500.00** akan dibayar balik kepada pihak yang menanggung kos penghantaran pulang jenazah manakala **RM3,000.00** akan dibayar kepada waris pekerja asing.
- Jika kematian dan pengebumian hanya berlaku di Malaysia, amaun maksimum sebanyak **RM3,000.00** akan dibayar.
- Bagi penerima faedah berkala, jika kematian dan pengebumian berlaku di negara asal, amaun maksimum sebanyak **RM3,000.00** akan dibayar.

### Skim Keilatan Pekerja Asing

#### Pencen Ilat

- Dibayar kepada pekerja asing yang layak dan disahkan menghidap keilatan oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan.
- Keilatan disahkan berlaku semasa pekerja asing berada di Malaysia dan dalam tempoh sah pas kerja.
- Dibayar bermula dari tarikh Notis Keilatannya diterima atau tarikh berhenti kerja jika pekerja berhenti kerja selepas Notis Keilatan diterima oleh PERKESO.
- Dibayar selama pekerja mengalami keilatan atau hingga meninggal dunia.
- Digantikan dengan Pencen Penakat yang dibayar kepada orang tanggungan yang layak sekiranya pekerja asing meninggal dunia semasa menerima Pencen Ilat.

#### Syarat Kelayakan

- Belum mencapai umur 60 tahun pada masa Notis Keilatan diterima; atau
- Sekiranya pekerja asing telah mencapai umur 60 tahun dan ke atas pada masa Notis Keilatan diterima, beliau perlu menunjukkan keterangan bahawa:
  - i. Keuzuran terjadi di Malaysia sebelum umur 60 tahun dan tidak lagi bekerja yang menguntungkan sejak itu
  - ii. Disahkan menghidap keilatan oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan
  - iii. Memenuhi syarat kelayakan caruman yang telah ditetapkan sama ada tempoh kelayakan penuh atau tempoh kelayakan dikurangkan

#### Kadar Pencen Ilat

Kadar Pencen Ilat yang layak diterima adalah dari 50% hingga 65% daripada gaji bulanan purata anggapan tertakluk kepada pencen minimum sebanyak **RM550.00** sebulan dan maksimum **RM3,867.50** sebulan.

#### Bantuan Ilat

Bantuan Ilat dibayar kepada pekerja asing yang disahkan menghidap keilatan oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan tetapi tidak layak menerima Pencen Ilat kerana tidak memenuhi mana-mana tempoh kelayakan caruman dan ada sekurang-kurangnya 12 bulan caruman di bawah Skim Keilatan.

Amaun Bantuan Ilat ini adalah sama banyaknya dengan jumlah caruman yang telah dibayar oleh pekerja asing dan majikan untuk Skim Keilatan termasuk faedahnya. Ianya adalah merupakan bayaran pukal sekali sahaja.

#### Elaun Layanan Sentiasa

Pekerja asing yang disahkan menghidap keilatan dan tidak berdaya dengan teruknya hingga sentiasa memerlukan layanan seseorang lain, layak menerima elaun ini dengan pengesyoran Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan. Elaun ini ditetapkan sebanyak **RM500.00** sebulan.

## Kemudahan Pemulihan Jasmani

Kemudahan ini diberikan kepada pekerja asing yang layak dalam bentuk pemulihan jasmani termasuk:

- Fisioterapi
- Pembedahan rekonstruktif
- Bekalan prostetik, ortotik dan lain-lain alat
- Bekalan ortopedik seperti kerusi roda, tongkat, alat pendengaran, cermin mata, kasut khas dan lain-lain

\*Semua perbelanjaan kemudahan pemulihan di atas ditanggung oleh PERKESO mengikut kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan.

## Pencen Penakat

Pencen Penakat dibayar kepada orang tanggungan yang layak apabila pekerja asing meninggal dunia akibat sebarang sebab.

### Syarat Kelayakan

- Pekerja asing meninggal dunia sebelum mencapai umur 60 tahun di Malaysia dan memenuhi syarat kelayakan caruman;
- Pekerja asing meninggal dunia semasa sedang menerima Pencen Ilat tanpa mengambil kira had umurnya.

### Kadar Pencen Penakat

- Kadar Pencen Penakat yang layak diterima adalah dari 50% hingga 65% daripada gaji bulanan purata anggapan tertakluk kepada pencen minimum sebanyak **RM550.00** sebulan dan maksimum **RM3,867.50** sebulan.

### Syer Orang Tanggungan

- Orang tanggungan bagi Faedah Pencen Penakat adalah seperti berikut:

ORANG TANGGUGAN	SYER KADAR HARIAN	KETERANGAN
Balu/Duda	3/5	Layak menerima faedah seumur hidup meskipun balu atau duda berkahwin semula.
Anak Semua anak yang memenuhi syarat layak mendapat faedah termasuk anak kandung, anak tiri yang disara, anak angkat atau anak tidak sah taraf	2/5	<ul style="list-style-type: none"><li>• Layak menerima faedah sehingga mencapai umur 21 tahun atau berkahwin (yang mana terdahulu)</li><li>• Jika sedang belajar di Institut Pengajian Tinggi, faedah dibayar sehingga mendapat ijazah pertama atau berkahwin (yang mana terdahulu)</li><li>• Bagi anak yang terencat akal atau menjadi tidak berupaya secara fizikal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri, layak menerima faedah selama tidak berupaya menyara kehidupan.</li></ul>

## AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4]

Jika Pekerja Asing tidak meninggalkan balu atau duda atau anak, ia akan dibayar kepada:-

ORANG TANGGUNGAN	SYER KADAR HARIAN	KETERANGAN
Ibu/Bapa	4/10	Layak menerima faedah seumur hidup
Adik-beradik	3/10	Layak menerima faedah sehingga mencapai umur 21 tahun atau berkahwin (yang mana terdahulu)
Nenek/Datuk (sekiranya ibu bapa dan adik beradik tiada)	4/10	Layak menerima faedah seumur hidup

### Faedah Pengurusan Mayat

Pembayaran faedah akan dibuat kepada waris yang layak atau pihak yang menanggung kos pengurusan jenazah tertakluk pada sekurang-kurangnya ada 24 bulan bayaran caruman di bawah Skim Keilatan. Jumlah bayaran adalah jumlah sebenar perbelanjaan ataupun maksimum amaun bayaran mengikut mana yang lebih rendah berdasarkan resit yang dikemukakan.

Amaun maksimum bayaran faedah ini adalah seperti di bawah:

- Jika kematian berlaku di Malaysia dan pengebumian berlaku di negara asal, bayaran tunai maksimum sebanyak **RM7,500.00** termasuk kos penghantaran jenazah/abu ke negara asal. Nota: Hanya maksimum **RM4,500.00** akan dibayar balik kepada pihak yang menanggung kos penghantaran pulang jenazah manakala **RM3,000.00** akan dibayar kepada waris pekerja asing.
- Jika kematian dan pengebumian hanya berlaku di Malaysia, amaun maksimum sebanyak **RM3,000.00** akan dibayar.
- Bagi penerima pencen ilat, jika kematian dan pengebumian berlaku di negara asal, amaun maksimum sebanyak **RM3,000.00** akan dibayar.

## Inisiatif Tambahan



### Kos Penghantaran Pulang Jenazah

Selain faedah yang dinyatakan di atas, PERKESO juga ada memberikan inisiatif tambahan sekiranya pekerja asing meninggal dunia di Malaysia akibat sebarang sebab yang tidak diliputi di bawah mana-mana skim perlindungan pekerja asing yang disediakan.

Kos penghantaran pulang jenazah/abu pekerja asing yang telah meninggal dunia ke negara asal boleh dibayar balik oleh PERKESO maksimum sebanyak RM4,500.00 berdasarkan resit (tertakluk kepada perubahan semasa).



### Pelan Kad Sim ACare

Kad Sim ACare adalah produk dari jenama Pusat Rehabilitasi PERKESO yang menyediakan pelan prabayar mudah alih untuk pekerja asing. Pelan ini turut menawarkan program repatriasi ke negara asal secara PERCUMA khusus sekiranya pengguna pekerja asing yang aktif melanggan disahkan tidak berupaya untuk bekerja tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan. Dapatkan maklumat lanjut dengan melayari laman web tersebut:

<https://www.mylifelines.com.my/about-acare/>

## Perlindungan Keselamatan Sosial (LINDUNG Pekerja) untuk Pekerja Domestik

Bermula 1 Jun 2021, majikan wajib mendaftarkan pekerja domestik dengan PERKESO bagi memastikan mereka dilindungi apabila berlaku sebarang kemalangan atau kejadian yang tidak diingini semasa melakukan pekerjaan di sesebuah rumah kediaman.

Kegagalan berbuat demikian adalah kesalahan di bawah Akta 4 dan sekiranya disabit kesalahan boleh dijatuhkan hukuman denda sehingga RM10,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh sehingga 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

### Definisi Pekerja Domestik:

Seorang pekerja domestik yang diambil bekerja semata-mata dalam kerja atau yang berkaitan dengan kerja bagi suatu rumah kediaman persendirian dan bukan diambil bekerja bagi apa-apa perdagangan, perniagaan atau profesion yang dijalankan oleh majikan sama ada di dalam atau di luar rumah kediaman itu.

Contoh pekerja domestik adalah:

1. Pembantu rumah
2. Tukang kebun
3. Pengawal peribadi
4. Penjaga orang tua
5. Pemandu peribadi
6. Tukang masak
7. Pengawal keselamatan
8. Pengasuh bayi/kanak-kanak

### Nota:

Senarai sebagai panduan umum sahaja dan bukan keseluruhan.

## Syarat Kelayakan

Pekerja Domestik Tempatan	Pekerja warganegara/Pemastautin Tetap/Pemastautin Sementara
	Digajikan oleh majikan warganegara/Pemastautin Tetap/Pemastautin Sementara atau majikan warga asing
Pekerja Domestik Asing	Pekerja domestik asing yang mempunyai pasport serta memiliki pas kerja yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia
	Digajikan oleh majikan warganegara/Pemastautin Tetap/Pemastautin Sementara

Perlindungan ini tidak terpakai kepada mana-mana pekerja domestik yang merupakan saudara terdekat kepada majikan seperti berikut:

1. Suami atau isteri;
2. Anak termasuk angkat atau tiri;
3. Ibu bapa, adik-beradik, dan datuk/nenek termasuk angkat atau tiri;
4. Ibu bapa mertua atau menantu termasuk angkat atau tiri; dan
5. Adik beradik ipar

### Jenis Skim Perlindungan Keselamatan Sosial untuk Pekerja Domestik

AKTA		AKTA 4	AKTA 4	AKTA 800
PEKERJA DOMESTIK		SKIM BENCANA KERJA	SKIM KEILATAN	SISTEM INSURANS PEKERJAAN
Pekerja Domestik Tempatan (Warganegara, Pemastautin Tetap, Pemastautin Sementara)		✓	✓	✓
Pekerja Domestik Asing		✓	✓	X
Kadar Caruman	Majikan	1.25%	0.5%	0.2%
	Pekerja Domestik	-	0.5%	0.2%

### Caruman

Kadar caruman adalah sama seperti kadar caruman bagi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017. Terdapat dua kaedah pembayaran untuk caruman pekerja domestik iaitu:

- Bayaran bulanan melalui Portal ASSIST
- Bayaran pendahuluan untuk tempoh sehingga 24 bulan melalui aplikasi mudah alih Prihatin yang boleh dimuat naik di *App Store* atau *Google Play Store*.

Perincian faedah-faedah yang disediakan di bawah skim yang disebutkan dalam jadual di atas boleh dirujuk di halaman skim berkaitan dalam buku risalah ini:

- **Jika pekerja domestik tempatan, rujuk halaman berikut:**
  - i. Skim Bencana Pekerja
  - ii. Skim Keilatan
  - iii. Sistem Insurans Pekerjaan
- **Jika pekerja domestik asing, rujuk halaman berikut:**
  - i. Skim Bencana Kerja Pekerja Asing
  - ii. Skim Keilatan Pekerja Asing

## AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4]

### Program Return To Work (RTW)

Program pengurusan hilang upaya *Return To Work* PERKESO adalah merupakan program pengurusan hilang upaya yang dilaksanakan oleh PERKESO dalam membantu pencarum yang cedera atau menghadapi penyakit untuk dipulihkan dan kembali semula bekerja lebih awal, sihat dan selamat.

Setiap pencarum PERKESO yang mengikuti Program *Return To Work* akan melalui proses pemulihan yang sistematik dan berteraskan konsep biopsikososial yang merangkumi faktor biofizikal, psikologikal dan sosial yang perlu ditangani dalam membantu mereka kembali semula bekerja.

### Kriteria Untuk Mengikuti Program

Program ini disediakan kepada Orang Berinsurans (OB) yang:

- Disahkan sebagai bencana pekerjaan dan memerlukan pemulihan atau bantuan carian kerja
- Memohon Skim Keilatan, bermotivasi dan memerlukan pemulihan atau bantuan carian kerja

### Objektif Program Return To Work

Program ini dilaksanakan bagi mencapai objektif seperti berikut:

- Membantu Orang Berinsurans mengatasi masalah hilang upaya dan kesakitan yang dialami oleh mereka
- Memastikan Orang Berinsurans yang mengalami hilang upaya/keilatan dapat kembali semula bekerja secepat mungkin
- Memastikan keselamatan mereka terus terpelihara
- Mengurangkan kos pekerja, majikan dan PERKESO dari segi jangka masa panjang melalui pengurusan kes yang baik

Untuk maklumat lanjut sila layari : <https://rtwsocso.perkeso.gov.my/>

### Program Saringan Kesihatan (HSP)

Program Saringan Kesihatan PERKESO (HSP) diperkenalkan pada tahun 2013 bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pengesanan awal Penyakit Tidak Berjangkit seperti penyakit jantung, darah tinggi, kencing manis dan kanser.

Melalui program ini, saringan kesihatan disediakan secara percuma kepada pencarum PERKESO yang berumur di antara 40 hingga 59 tahun serta memenuhi kriteria kelayakan program. Saringan kesihatan ini melibatkan pemeriksaan fizikal, saringan kesihatan mental, pemeriksaan darah dan urin, pengesanan risiko penyakit kardiovaskular dan kanser.

Pencarum PERKESO perlu memuat turun dan mendaftar dalam aplikasi mudah alih SEHATi untuk menyemak kelayakan, membuat janji temu dengan Klinik Panel HSP dan mengakses keputusan saringan kesihatan.

## Pusat Rehabilitasi PERKESO

Pusat Rehabilitasi PERKESO (PRP) ialah sebuah pusat rehabilitasi bertaraf antarabangsa dimiliki sepenuhnya oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang ditubuhkan untuk memulihkan dan memperkasakan golongan pekerja yang mengalami kecederaan atau hilang upaya agar mereka dapat kembali berdikari, berintegrasi dalam masyarakat dan seterusnya kembali bekerja, menerusi pemulihan fizikal dan vokasional yang komprehensif.

Perkhidmatan rehabilitasi yang disediakan adalah berasaskan **Pengurusan Hilang Upaya** yang memberi fokus kepada rancangan rehabilitasi yang komprehensif, intensif dan mengikut keadaan fizikal serta matlamat individu.

PRP menyediakan program **rehabilitasi perubatan dan vokasional** yang merangkumi fisioterapi, terapi cara kerja, terapi pertuturan, psikologi klinikal, kejururawatan, serta rehabilitasi khusus seperti rehabilitasi neurologi, muskuloskeletal, kecederaan saraf tunjang, dan amputasi. Intervensi rehabilitasi berteknologi canggih seperti **rawatan neurorobotik** dan **Cybernics**, iaitu **sistem robotik Cyberdyne** dan **terapi neuromodulasi** juga disediakan untuk membantu mengoptimumkan tahap pemulihan serta tahap kefungsihan pesakit, terutama mereka yang mengalami masalah kelumpuhan.

Melalui **modul latihan vokasional** seperti jahitan, kulinari, dan pengurusan pejabat, Pusat Rehabilitasi PERKESO (PRP) membantu individu memperoleh kemahiran baharu serta meningkatkan kebolehpasaran mereka dalam sektor pekerjaan.



### Rayuan

Terdapat dua jenis Jemaah Rayuan yang berfungsi untuk mengulang kaji semula keputusan yang telah dibuat oleh Jemaah Doktor atau PERKESO.

**i. Jemaah Doktor Rayuan**

PERKESO atau pekerja yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jemaah Doktor boleh mengemukakan rayuan kepada Jemaah Doktor Rayuan. Permohonan rayuan boleh dibuat melalui borang rayuan PKS(P)12 dalam tempoh 90 hari dari tarikh surat Keputusan Jemaah Doktor.

**ii. Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial**

Majikan utama, majikan langsung, pekerja atau orang tanggungannya boleh merayu kepada Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial sekiranya tidak berpuas hati terhadap keputusan yang dibuat oleh PERKESO. Rayuan boleh dibuat dalam tempoh masa tiga (3) tahun dari tarikh alasan tindakan terbit dengan mengisi Borang A dan dikemukakan ke alamat berikut:

**Urus Setia**  
**Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial**  
Tingkat 18, Menara PERKESO  
281, Jalan Ampang  
50538 Kuala Lumpur



## Tindakan Pengkompaunan

Kesalahan yang boleh diambil tindakan KOMPAUN adalah seperti berikut:-

JENIS AKTA	SEKSYEN/PERATURAN	JENIS KESALAHAN
Akta 4	Seksyen 4	Lewat Daftar Perusahaan
	Seksyen 5	Lewat Daftar Pekerja
	Peraturan 34(1) & (2)	Tidak Menyediakan/ Menyimpan Daftar Pekerja
	Peraturan 71(1) & (4)(b)	Lewat Melaporkan Kemalangan Dalam Tempoh Yang Ditetapkan
	Peraturan 44	Tidak Menyediakan Jadual Pembayaran Caruman
Akta 800	Subseksyen 14(2) & Subperaturan 2(3)	Pendaftaran Perusahaan
	Subseksyen 15(5) & Subperaturan 4(4)	Semua Pekerja Hendaklah Didaftarkan dan diinsuranskan
	Subseksyen 24(2)	Tidak Boleh Mengurangkan Gaji
	Subseksyen 70(3)	Kuasa Untuk Mengkehendaki Maklumat dan Menjalankan Pemeriksaan
	Seksyen 71	Menghalang, dsb., Ketua Pengaroh, Timbalan Ketua Pengarah & Peg. Perkhidmatan Pekerja
	Subseksyen 78(3)	Kewajipan Untuk Menyimpan Penyata, Butir-Butir, dsb.

Kompaun maksimum sehingga RM5,000 boleh dikenakan bagi setiap kompaun yang dikeluarkan.

### Pendakwaan

Kegagalan mematuhi Akta dan Peraturan, majikan atau pekerja yang didapati bersalah atas kesalahan-kesalahan berikut boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM10,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

## AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4]

Kesalahan yang boleh diambil tindakan PENDAKWAAN adalah seperti berikut:-

JENIS AKTA	SEKSYEN/PERATURAN	JENIS KESALAHAN
Akta 4	Seksyen 4	Gagal atau lewat mendaftar Perusahaan
	Seksyen 5	Gagal atau lewat daftar pekerja yang layak
	Seksyen 6(1) & (8) dan Peraturan 32	Gagal membayar caruman
	Seksyen 14(A) & Peraturan 33	Gagal membayar Faedah Caruman Lewat Bayar
	Peraturan 71(1) & (2)	Majikan gagal atau lewat lapor kemalangan
	Seksyen 93(A);	Mengemukakan maklumat palsu
	Seksyen 110(1);	Gagal mematuhi Saman Jabatan
Akta 800	Subseksyen 14(2) & Subperaturan 2(3);	Gagal atau lewat mendaftar Perusahaan
	Subseksyen 15(5) & Subperaturan 4(4)	Gagal atau lewat daftar pekerja yang layak
	Subseksyen 24(2)	Gagal membayar caruman
	Peraturan 10(4);	Gagal membayar Faedah Caruman Lewat Bayar
	Subseksyen 24(2);	Majikan mengurangkan gaji
	Seksyen 71	Menghalang, Dsb., Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah & Peg. Perkhidmatan Pekerjaan
Akta 800	Seksyen 72	Fraud atau pemalsuan berkaitan dengan bayaran caruman atau tuntutan bagi faedah
	Seksyen 73	Mengemukakan maklumat palsu atau mengelirukan
	Subseksyen 78(3)	Gagal menyimpan penyata dan butir-butir dan sebagainya.

## JADUAL KADAR CARUMAN DI BAWAH AKTA 4

Bil	Gaji bulanan	Jenis Pertama (Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan)			Jenis Kedua (Skim Bencana Pekerjaan)
		Syer Majikan	Syer Pekerja	Jumlah Caruman	Jumlah Caruman Oleh Majikan Sahaja
1	Gaji hingga RM30	40 sen	10 sen	50 sen	30 sen
2	Apabila gaji melebihi RM30 tetapi tidak melebihi RM50	70 sen	20 sen	90 sen	50 sen
3	Apabila gaji melebihi RM50 tetapi tidak melebihi RM70	RM1.10	30 sen	RM1.40	80 sen
4	Apabila gaji melebihi RM70 tetapi tidak melebihi RM100	RM1.50	40 sen	RM1.90	RM1.10
5	Apabila gaji melebihi RM100 tetapi tidak melebihi RM140	RM2.10	60 sen	RM2.70	RM1.50
6	Apabila gaji melebihi RM140 tetapi tidak melebihi RM200	RM2.95	85 sen	RM3.80	RM2.10
7	Apabila gaji melebihi RM200 tetapi tidak melebihi RM300	RM4.35	RM1.25	RM5.60	RM3.10
8	Apabila gaji melebihi RM300 tetapi tidak melebihi RM400	RM6.15	RM1.75	RM7.90	RM4.40
9	Apabila gaji melebihi RM400 tetapi tidak melebihi RM500	RM7.85	RM2.25	RM10.10	RM5.60
10	Apabila gaji melebihi RM500 tetapi tidak melebihi RM600	RM9.65	RM2.75	RM12.40	RM6.90
11	Apabila gaji melebihi RM600 tetapi tidak melebihi RM700	RM11.35	RM3.25	RM14.60	RM8.10
12	Apabila gaji melebihi RM700 tetapi tidak melebihi RM800	RM13.15	RM3.75	RM16.90	RM9.40
13	Apabila gaji melebihi RM800 tetapi tidak melebihi RM900	RM14.85	RM4.25	RM19.10	RM10.60
14	Apabila gaji melebihi RM900 tetapi tidak melebihi RM1,000	RM16.65	RM4.75	RM21.40	RM11.90
15	Apabila gaji melebihi RM1,000 tetapi tidak melebihi RM1,100	RM18.35	RM5.25	RM23.60	RM13.10
16	Apabila gaji melebihi RM1,100 tetapi tidak melebihi RM1,200	RM20.15	RM5.75	RM25.90	RM14.40
17	Apabila gaji melebihi RM1,200 tetapi tidak melebihi RM1,300	RM21.85	RM6.25	RM28.10	RM15.60
18	Apabila gaji melebihi RM1,300 tetapi tidak melebihi RM1,400	RM23.65	RM6.75	RM30.40	RM16.90
19	Apabila gaji melebihi RM1,400 tetapi tidak melebihi RM1,500	RM25.35	RM7.25	RM32.60	RM18.10

## AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4]

Bil	Gaji bulanan	Jenis Pertama (Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan)			Jenis Kedua (Skim Bencana Pekerjaan)
		Syer Majikan	Syer Pekerja	Jumlah Caruman	Jumlah Caruman Oleh Majikan Sahaja
20	Apabila gaji melebihi RM1,500 tetapi tidak melebihi RM1,600	RM27.15	RM7.75	RM34.90	RM19.40
21	Apabila gaji melebihi RM1,600 tetapi tidak melebihi RM1,700	RM28.85	RM8.25	RM37.10	RM20.60
22	Apabila gaji melebihi RM1,700 tetapi tidak melebihi RM1,800	RM30.65	RM8.75	RM39.40	RM21.90
23	Apabila gaji melebihi RM1,800 tetapi tidak melebihi RM1,900	RM32.35	RM9.25	RM41.60	RM23.10
24	Apabila gaji melebihi RM1,900 tetapi tidak melebihi RM2,000	RM34.15	RM9.75	RM43.90	RM24.40
25	Apabila gaji melebihi RM2,000 tetapi tidak melebihi RM2,100	RM35.85	RM10.25	RM46.10	RM25.60
26	Apabila gaji melebihi RM2,100 tetapi tidak melebihi RM2,200	RM37.65	RM10.75	RM48.40	RM26.90
27	Apabila gaji melebihi RM2,200 tetapi tidak melebihi RM2,300	RM39.35	RM11.25	RM50.60	RM28.10
28	Apabila gaji melebihi RM2,300 tetapi tidak melebihi RM2,400	RM41.15	RM11.75	RM52.90	RM29.40
29	Apabila gaji melebihi RM2,400 tetapi tidak melebihi RM2,500	RM42.85	RM12.25	RM55.10	RM30.60
30	Apabila gaji melebihi RM2,500 tetapi tidak melebihi RM2,600	RM44.65	RM12.75	RM57.40	RM31.90
31	Apabila gaji melebihi RM2,600 tetapi tidak melebihi RM2,700	RM46.35	RM13.25	RM59.60	RM33.10
32	Apabila gaji melebihi RM2,700 tetapi tidak melebihi RM2,800	RM48.15	RM13.75	RM61.90	RM34.40
33	Apabila gaji melebihi RM2,800 tetapi tidak melebihi RM2,900	RM49.85	RM14.25	RM64.10	RM35.60
34	Apabila gaji melebihi RM2,900 tetapi tidak melebihi RM3,000	RM51.65	RM14.75	RM66.40	RM36.90
35	Apabila gaji melebihi RM3,000 tetapi tidak melebihi RM3,100	RM53.35	RM15.25	RM68.60	RM38.10
36	Apabila gaji melebihi RM3,100 tetapi tidak melebihi RM3,200	RM55.15	RM15.75	RM70.90	RM39.40
37	Apabila gaji melebihi RM3,200 tetapi tidak melebihi RM3,300	RM56.85	RM16.25	RM73.10	RM40.60
38	Apabila gaji melebihi RM3,300 tetapi tidak melebihi RM3,400	RM58.65	RM16.75	RM75.40	RM41.90
39	Apabila gaji melebihi RM3,400 tetapi tidak melebihi RM3,500	RM60.35	RM17.25	RM77.60	RM43.10

Bil	Gaji bulanan	Jenis Pertama (Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan)			Jenis Kedua (Skim Bencana Pekerjaan)
		Syer Majikan	Syer Pekerja	Jumlah Caruman	Jumlah Caruman Oleh Majikan Sahaja
40	Apabila gaji melebihi RM3,500 tetapi tidak melebihi RM3,600	RM62.15	RM17.75	RM79.90	RM44.40
41	Apabila gaji melebihi RM3,600 tetapi tidak melebihi RM3,700	RM63.85	RM18.25	RM82.10	RM45.60
42	Apabila gaji melebihi RM3,700 tetapi tidak melebihi RM3,800	RM65.65	RM18.75	RM84.40	RM46.90
43	Apabila gaji melebihi RM3,800 tetapi tidak melebihi RM3,900	RM67.35	RM19.25	RM86.60	RM48.10
44	Apabila gaji melebihi RM3,900 tetapi tidak melebihi RM4,000	RM69.15	RM19.75	RM88.90	RM49.40
45	Apabila gaji melebihi RM4,000 tetapi tidak melebihi RM4,100	RM70.85	RM20.25	RM91.10	RM50.60
46	Apabila gaji melebihi RM4,100 tetapi tidak melebihi RM4,200	RM72.65	RM20.75	RM93.40	RM51.90
47	Apabila gaji melebihi RM4,200 tetapi tidak melebihi RM4,300	RM74.35	RM21.25	RM95.60	RM53.10
48	Apabila gaji melebihi RM4,300 tetapi tidak melebihi RM4,400	RM76.15	RM21.75	RM97.90	RM54.40
49	Apabila gaji melebihi RM4,400 tetapi tidak melebihi RM4,500	RM77.85	RM22.25	RM100.10	RM55.60
50	Apabila gaji melebihi RM4,500 tetapi tidak melebihi RM4,600	RM79.65	RM22.75	RM102.40	RM56.90
51	Apabila gaji melebihi RM4,600 tetapi tidak melebihi RM4,700	RM81.35	RM23.25	RM104.60	RM58.10
52	Apabila gaji melebihi RM4,700 tetapi tidak melebihi RM4,800	RM83.15	RM23.75	RM106.90	RM59.40
53	Apabila gaji melebihi RM4,800 tetapi tidak melebihi RM4,900	RM84.85	RM24.25	RM109.10	RM60.60
54	Apabila gaji melebihi RM4,900 tetapi tidak melebihi RM5,000	RM86.65	RM24.75	RM111.40	RM61.90
55	Apabila gaji melebihi RM5,000 tetapi tidak melebihi RM5,100	RM88.35	RM25.25	RM113.60	RM63.10
56	Apabila gaji melebihi RM5,100 tetapi tidak melebihi RM5,200	RM90.15	RM25.75	RM115.90	RM64.40
57	Apabila gaji melebihi RM5,200 tetapi tidak melebihi RM5,300	RM91.85	RM26.25	RM118.10	RM65.60
58	Apabila gaji melebihi RM5,300 tetapi tidak melebihi RM5,400	RM93.65	RM26.75	RM120.40	RM66.90
59	Apabila gaji melebihi RM5,400 tetapi tidak melebihi RM5,500	RM95.35	RM27.25	RM122.60	RM68.10

## AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4]

Bil	Gaji bulanan	Jenis Pertama (Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Kellatan)			Jenis Kedua (Skim Bencana Pekerjaan)
		Syer Majikan	Syer Pekerja	Jumlah Caruman	Jumlah Caruman Oleh Majikan Sahaja
60	Apabila gaji melebihi RM5,500 tetapi tidak melebihi RM5,600	RM97.15	RM27.75	RM124.90	RM69.40
61	Apabila gaji melebihi RM5,600 tetapi tidak melebihi RM5,700	RM98.85	RM28.25	RM127.10	RM70.60
62	Apabila gaji melebihi RM5,700 tetapi tidak melebihi RM5,800	RM100.65	RM28.75	RM129.40	RM71.90
63	Apabila gaji melebihi RM5,800 tetapi tidak melebihi RM5,900	RM102.35	RM29.25	RM131.60	RM73.10
64	Apabila gaji melebihi RM5,900 tetapi tidak melebihi RM6,000	RM104.15	RM29.75	RM133.90	RM74.40
65	Apabila gaji melebihi RM6,000	RM104.15	RM29.75	RM133.90	RM74.40

# AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI 2017 [AKTA 789]



## Pengenalan

Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (LINDUNG Kendiri) diwujudkan untuk memberi perlindungan kepada individu yang menjalankan pekerjaan sendiri di bawah peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789].

Sebagai permulaan, skim ini diwajibkan ke atas Sektor Pengangkutan Penumpang iaitu pemandu teksi, *e-hailing* dan pemandu bas di bawah peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 berkuatkuasa mulai 1 Jun 2017.

## Liputan Perlindungan

Skim ini memberi perlindungan kepada Orang Berinsurans Bekerja Sendiri (OBBS) daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit pekerjaan dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan. Bencana Pekerjaan Sendiri ertinya kecederaan diri pada OBBS yang disebabkan oleh suatu kemalangan atau suatu penyakit pekerjaan berakibat daripada dan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan sendirinya termasuk semasa dalam perjalanan yang berkaitan dengan aktiviti pekerjaan sendirinya.

Penyakit pekerjaan adalah penyakit yang berpunca atau terbit daripada pekerjaan yang dilakukan. Skim ini menyediakan faedah tunai kepada orang berinsurans bekerja sendiri dan tanggungannya di samping menyediakan rawatan perubatan, pemulihan jasmani dan latihan vokasional sekiranya ditimpa bencana.

## Syarat Kelayakan Mencarum

- Warganegara Malaysia/Pemastautin Tetap tanpa mengira had umur; dan
- Individu yang menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri untuk mencari nafkah dan mendapat upah.

## Dokumen Diperlukan

- Salinan kad pengenalan (mandatori)
- Salinan lesen/kad pemandu/profil *e-hailing*/permit/sijil atau surat pengesahan daripada persatuan atau agensi yang berkaitan tertakluk kepada jenis sektor yang dipilih (jika perlu).

## Liputan Sektor Pekerjaan

Mulai 1 Januari 2020, perlindungan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (LINDUNG Kendiri) telah diperluaskan kepada 19 sektor pekerjaan sendiri yang lain, menjadikannya 20 sektor kesemuanya. Individu bekerja sendiri yang mencarum di bawah skim ini akan mendapat perlindungan bermula dari tarikh dan masa caruman dibayar dan diperakui menerusi resit bayaran caruman.

### 20 Sektor Informal yang dilindungi adalah seperti berikut:-

1. Pengangkutan Penumpang\*
2. Pengangkutan Barangan atau Makanan\*
3. Penjaja\*
4. Pertanian
5. Penternakan
6. Perhutanan
7. Perikanan
8. Pembuatan
9. Pembinaan
10. Makanan
11. Premis Penginapan
12. Perniagaan Dalam Talian
13. Teknologi Maklumat
14. Pemprosesan Data
15. Perkhidmatan Profesional
16. Perkhidmatan Sokongan
17. Kesenian
18. Ejen
19. Perkhidmatan Isi Rumah
20. Penjagaan Perawatan dan Pemulihan Kesihatan

*\*Sektor yang dimandatorikan*

## Jadual Pilihan Caruman di bawah Akta 789

Kadar caruman berdasarkan pilihan pendapatan bulanan yang diinsuranskan seperti di bawah:

Pelan	Pendapatan Bulanan Pilihan Yang Diinsuranskan	Bayaran Caruman Bulanan	Bayaran Caruman Setahun
1	RM 1,050	RM 13.10	RM 157.20
2	RM 1,550	RM 19.40	RM 232.80
3	RM 2,950	RM 36.90	RM 442.80
4	RM 3,950	RM 49.40	RM 592.80

## Cara Pendaftaran dan Pembayaran Caruman

Pendaftaran dan pembayaran caruman boleh dilakukan secara bulanan atau tahunan melalui:

- Web PRIHATIN: [prihatin.perkeso.gov.my](http://prihatin.perkeso.gov.my)
- Aplikasi PERKESO Prihatin (*Google Play / App Store*)
- Ejen Keselamatan Skim Pekerjaan Sendiri (EKSPS) yang sah (<https://qr.me-qr.com/I/PERKESO-EKSPS>)
- Bayaran **tunai** dan **QRPay** di semua Pejabat PERKESO

### Nota:

Individu bekerja sendiri yang mencarum di bawah skim ini akan mendapat perlindungan bermula dari tarikh dan masa caruman dibayar serta diperakui menerusi resit bayaran caruman.



## Faedah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (LINDUNG Kendiri)

### Faedah Perubatan

OBBS yang ditimpa bencana pekerjaan boleh mendapatkan rawatan perubatan melalui klinik/hospital kerajaan serta membuat tuntutan Bayaran Ganti Belanja (BGB) bagi kos rawatan kepada PERKESO dan kelulusan tuntutan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh PERKESO atau Akta Fi 1951.

### Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS)

FHUS dibayar kepada OBBS sepanjang tempoh cuti sakitnya yang dikeluarkan oleh Pegawai Perubatan. Tempoh cuti sakit mestilah sekurang-kurangnya empat (4) hari termasuk hari kemalangan. Kadar faedah harian adalah 80% daripada Pendapatan Bulanan Pilihan Yang Diinsuranskan (PBPYD) berjumlah minimum **RM30.00** sehari dan maksimum **RM105.33** sehari.

### Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK)

Hilang Upaya Kekal ertinya hilang upaya yang berkekalan hingga mengurangkan keupayaan seseorang untuk menjalankan aktiviti pekerjaannya. Kadar faedah harian FHUK sebanyak 90% daripada Pendapatan Bulanan Pilihan Yang Diinsuranskan berjumlah minimum **RM31.50** sehari dan maksimum **RM118.50** sehari.

### Elauan Layanan Sentiasa (ELS)

ELS sebanyak **RM500.00** sebulan dibayar kepada OBBS yang mengalami hilang upaya kekal sepenuhnya dan tidak upaya dengan teruknya serta sentiasa memerlukan layanan daripada orang lain.

### Faedah Pengurusan Mayat (FPM)

FPM sebanyak **RM3,000.00** (berkuatkuasa mulai 1 Jun 2024) dibayar kepada orang tanggungan/waris sekiranya OBBS meninggal dunia akibat daripada bencana pekerjaan sendiri atau semasa menerima FHUK berkala.

### Kemudahan Pemulihan Jasmani dan Vokasional

- i. Pemulihan jasmani secara percuma seperti fisioterapi, bekalan prostetik & ortotik, kerusi roda, tongkat, lampin dan lain-lain
- ii. Kemudahan vokasional secara percuma seperti latihan dalam bidang elektrik, jahitan, membaiki radio dan lain-lain

### Faedah Pendidikan

Faedah Pendidikan merupakan kemudahan pinjaman kepada anak tanggungan sekiranya OBBS meninggal dunia akibat bencana pekerjaan sendiri atau menerima bayaran berkala FHUK dan memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.

## AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI 2017 [AKTA 789]

### Faedah Orang Tanggungan (FOT)

FOT dibayar secara bulanan kepada orang tanggungan/waris yang layak sekiranya OBBS meninggal dunia akibat bencana pekerjaan sendiri. Orang tanggungan/waris yang layak adalah balu/duda dan anak di bawah 21 tahun atau ibu bapa dan adik-beradik di bawah 21 tahun atau datuk nenek (sekiranya ibu bapa telah meninggal dunia). Kadar faedah harian adalah 90% daripada Pendapatan Bulanan Pilihan Yang Diinsuranskan dengan kadar minimum **RM31.50** sehari dan maksimum **RM118.50** sehari.

### Syer Orang Tanggungan

- Syer Orang Tanggungan bagi Faedah Orang Tanggungan adalah seperti berikut :

ORANG TANGGUNGAN	SYER KADAR HARIAN	KETERANGAN
<b>Balu/Duda</b>	3/5	Layak menerima faedah seumur hidup meskipun balu atau duda berkahwin semula.
<b>Anak</b> Semua anak yang memenuhi syarat layak mendapat faedah termasuk anak kandung, anak tiri yang disara, anak angkat atau anak tidak sah taraf	2/5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Layak menerima faedah sehingga mencapai umur 21 tahun atau berkahwin (yang mana terdahulu)</li> <li>Jika sedang belajar di Institut Pengajian Tinggi, faedah dibayar sehingga mendapat ijazah pertama atau berkahwin (yang mana terdahulu)</li> <li>Bagi anak yang terencat akal atau menjadi tidak berupaya secara fizikal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri, layak menerima faedah selama tidak berupaya menyara kehidupan.</li> </ul>

Jika tidak meninggalkan balu atau duda atau anak, ia akan dibayar kepada:-

ORANG TANGGUNGAN	SYER KADAR HARIAN	KETERANGAN
<b>Ibu/Bapa</b>	4/10	Layak menerima faedah seumur hidup
<b>Adik-beradik</b>	4/10	Layak menerima faedah sehingga mencapai umur 21 tahun atau berkahwin (yang mana terdahulu)
<b>Nenek/Datuk</b> (sekiranya ibu bapa dan adik-beradik tiada)	4/10	Layak menerima faedah seumur hidup

### Kaedah Membuat Permohonan Tuntutan Faedah:

Melengkapkan Borang Tuntutan Faedah Lindung Diri (Borang PS 2) yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang rasmi PERKESO [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau boleh diperolehi dari kaunter Pejabat PERKESO berdekatan.

# AKTA SISTEM INSURANS PEKERJAAN 2017 [AKTA 800]



# AKTA SISTEM INSURANS PEKERJAAN 2017 [AKTA 800]

## Pengenalan



Sistem Insurans Pekerja (LINDUNG Kerjaya) mula dilaksanakan pada Januari 2018 sebagai satu jaringan keselamatan sosial yang bertujuan membantu golongan pekerja yang kehilangan pekerjaan untuk mendapatkan bantuan kewangan dan pekerjaan baharu.

Akta Sistem Insurans Pekerja 2017 [Akta 800] terpakai kepada semua perusahaan yang mempunyai seorang pekerja atau lebih.

## Liputan

- Semua majikan sektor swasta perlu membayar caruman bulanan bagi setiap pekerja (Dikecualikan kepada Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, penjawat awam, orang yang bekerja sendiri dan pekerja asing)
- Pekerja adalah orang yang diambil bekerja oleh majikan di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau perantisan
- Kontrak perkhidmatan atau perantisan itu sama ada dalam bentuk bertulis atau secara lisan, nyata atau tersirat
- Semua pekerja yang berumur dari 18 tahun hingga 60 tahun perlu dicarumkan kecuali bagi pekerja yang berumur 57 tahun dan ke atas yang tidak pernah mencarum sebelumnya

## Kadar Caruman

- 0.2% syer majikan dan 0.2% syer pekerja daripada gaji bulanan pekerja
- Semua majikan sektor swasta perlu membayar caruman bulanan bagi setiap pekerja (Dikecualikan kepada penjawat awam, orang yang bekerja sendiri dan pekerja asing)
- Kadar caruman adalah tertakluk kepada Jadual Kedua Seksyen 18 Akta Sistem Insurans Pekerja 2017

## Faedah Sistem Insurans Pekerjaan (LINDUNG Kerjaya)

### Elaun Mencari Pekerjaan (EMP)

Menyediakan Elaun Mencari Pekerjaan bagi tempoh 3 hingga 6 bulan tertakluk kepada syarat kelayakan caruman dan kesediaan untuk bekerja semula. Bantuan kewangan ini adalah khusus kepada Orang Berinsurans yang kehilangan pekerjaan tunggal.

BULAN	KADAR BAYARAN (% DARIPADA GAJI ANGGAPAN BULANAN)
1	80%
2	50%
3	40%
4	40%
5	30%
6	30%

### Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA)

Menyediakan insentif kewangan kepada penerima faedah Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) yang telah menerima sesuatu tawaran pekerjaan awal dan melapor diri untuk bekerja dalam tempoh menerima EMP.

Elaun Bekerja Semula Awal dibayar pada kadar 25% daripada jumlah Elaun Mencari Pekerjaan yang masih belum dibayar atau dibayar secara pukal.

### Yuran Latihan (YL)

Pembiayaan yuran latihan sebanyak **RM4,000.00** dibayar terus kepada penyedia latihan berdaftar setelah permohonan untuk menjalani latihan diluluskan.

### Elaun Latihan (EL)

Menyediakan elaun latihan harian sebanyak **RM10.00– RM20.00** berdasarkan gaji sekiranya Orang Berinsurans menjalani latihan.

### Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB)

Memberikan bantuan kewangan kepada Orang Berinsurans yang bekerja dengan lebih daripada satu majikan secara serentak dan mengalami kehilangan sebahagian daripada pekerjaan mereka. Kadar bayaran bagi Elaun Pendapatan Berkurangan adalah sama seperti Elaun Mencari Pekerjaan, dan pembayaran dilaksanakan secara pukal.

### Penempatan Pekerjaan & Kaunseling Kerjaya

Menyediakan perkhidmatan dan sokongan pekerjaan kepada Orang Berinsurans untuk mendapatkan pekerjaan bersesuaian.

### Syarat Kelayakan Faedah Sistem Insurans Pekerjaan (LINDUNG Kerjaya)

- i. Seorang pekerja sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017
- ii. Berumur antara 18 sehingga 60 tahun pada ketika kehilangan pekerjaan berlaku
- iii. Disahkan kehilangan pekerjaan oleh PERKESO
- iv. Mengemukakan permohonan dalam tempoh 60 hari dari tarikh kehilangan pekerjaan
- v. Memenuhi syarat kelayakan caruman Sistem Insurans Pekerjaan (LINDUNG Kerjaya) sekurang-kurangnya 12 bulan bagi kehilangan pekerjaan yang pertama
- vi. Syarat kelayakan utama yang perlu dipenuhi oleh penerima faedah adalah mereka mesti mampu bekerja, bersedia untuk bekerja dan mencari pekerjaan secara aktif

### Situasi yang BOLEH DITERIMA sebagai kehilangan pekerjaan oleh PERKESO, jika berlakunya:

- Pemecatan;
- Penutupan perniagaan/syarikat muflis;
- Pengecilan operasi (*downsizing*);
- *Voluntary/Mutual Separation Scheme* (VSS/MSS);
- Penutupan syarikat atau pemberhentian operasi disebabkan oleh bencana alam, rusuhan, kekacauan sivil, kebakaran atau keadaan seumpamanya;
- Kemungkiran terma dan syarat kontrak oleh majikan;
- Peletakan jawatan disebabkan ugutan kepada pekerja atau keluarganya, atau disebabkan gangguan seksual terhadap pekerja; atau diarahkan melaksanakan kerja berbahaya di luar skop kerja

### Situasi yang TIDAK BOLEH diterima oleh PERKESO sebagai kehilangan pekerjaan;

- Peletakan jawatan secara sukarela oleh Orang Berinsurans
- Tamat tempoh kontrak perkhidmatan Orang Berinsurans
- Penamatan kontrak perkhidmatan atas persetujuan bersama majikan dan Orang Berinsurans tanpa terma dan syarat;
- Penyiapan kerja mengikut kontrak perkhidmatan;
- Persaraan wajib Orang Berinsurans; atau
- Penamatan kontrak perkhidmatan Orang Berinsurans disebabkan oleh salah laku.

**Dokumen sokongan tambahan yang perlu dikemukakan apabila membuat permohonan untuk faedah-faedah tertentu**

<b>Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengakuan semasa pekerja aktif</li> <li>• Surat tawaran daripada majikan baru</li> <li>• Dokumen pembuktian melapor diri bekerja. Contoh: <i>punch card</i></li> </ul>
<b>Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat Jaminan</li> <li>• Laporan Kehadiran</li> <li>• Invois daripada penyedia perkhidmatan</li> </ul>
<b>Yuran Latihan (YL) dan Elaun Latihan (EL)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat Jaminan</li> <li>• Laporan Kehadiran</li> </ul>

**Cara Membuat Permohonan**



### Portal Pencarian Pekerjaan MYFutureJobs

Portal MYFutureJobs ialah Portal Pekerjaan Nasional Malaysia yang mula diperkenalkan pada tahun 2020. Portal ini berfungsi sebagai platform utama kepada pencari kerja dan majikan secara percuma bagi mendapatkan bantuan perkhidmatan pekerjaan yang ditawarkan oleh PERKESO.

Portal MYFutureJobs menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan algoritma pepadanan berdasarkan kemahiran dan kompetensi pencari kerja. Portal ini juga sentiasa dikemas kini dengan taxonomi mengikut standard dan piawaian industri semasa agar ia menepati padanan serta keperluan penawaran dan permintaan pasaran buruh aktif negara.

Perkhidmatan yang disediakan oleh Portal MYFutureJobs ini secara keseluruhannya adalah untuk membantu pencari kerja melakukan persediaan yang lebih baik untuk meningkatkan kemahiran kerjaya dan mendapatkan haluan kerjaya yang tepat dan sesuai dengan kelayakan yang dimiliki.

Portal MYFutureJobs juga menyediakan platform kepada majikan untuk mengiklankan jawatan kosong dan memudahkan majikan untuk mendapatkan calon pekerja yang berkualiti.

Antara perkhidmatan pekerjaan yang disediakan:

- *Profiling* (Padanan Pekerjaan)
- Karnival Kerjaya dan Program Temu Duga
- Program Kebolehpasaran
- Program Keusahawanan
- Peningkatan Kemahiran (*Upskilling* dan *Reskilling*)
- Pusat Satelit MYFutureJobs



## JADUAL KADAR CARUMAN DI BAWAH AKTA 800

BIL	GAJI BULANAN	CARUMAN MAJIKAN	CARUMAN PEKERJA	JUMLAH CARUMAN
1	Gaji hingga RM30	5 sen	5 sen	10 sen
2	Apabila gaji melebihi RM30 tetapi tidak melebihi RM50	10 sen	10 sen	20 sen
3	Apabila gaji melebihi RM50 tetapi tidak melebihi RM70	15 sen	15 sen	30 sen
4	Apabila gaji melebihi RM70 tetapi tidak melebihi RM100	20 sen	20 sen	40 sen
5	Apabila gaji melebihi RM100 tetapi tidak melebihi RM140	25 sen	25 sen	50 sen
6	Apabila gaji melebihi RM140 tetapi tidak melebihi RM200	35 sen	35 sen	70 sen
7	Apabila gaji melebihi RM200 tetapi tidak melebihi RM300	50 sen	50 sen	RM1.00
8	Apabila gaji melebihi RM300 tetapi tidak melebihi RM400	70 sen	70 sen	RM1.40
9	Apabila gaji melebihi RM400 tetapi tidak melebihi RM500	90 sen	90 sen	RM1.80
10	Apabila gaji melebihi RM500 tetapi tidak melebihi RM600	RM1.10	RM1.10	RM2.20
11	Apabila gaji melebihi RM600 tetapi tidak melebihi RM700	RM1.30	RM1.30	RM2.60
12	Apabila gaji melebihi RM700 tetapi tidak melebihi RM800	RM1.50	RM1.50	RM3.00
13	Apabila gaji melebihi RM800 tetapi tidak melebihi RM900	RM1.70	RM1.70	RM3.40
14	Apabila gaji melebihi RM900 tetapi tidak melebihi RM1,000	RM1.90	RM1.90	RM3.80
15	Apabila gaji melebihi RM1,000 tetapi tidak melebihi RM1,100	RM2.10	RM2.10	RM4.20
16	Apabila gaji melebihi RM1,100 tetapi tidak melebihi RM1,200	RM2.30	RM2.30	RM4.60
17	Apabila gaji melebihi RM1,200 tetapi tidak melebihi RM1,300	RM2.50	RM2.50	RM5.00
18	Apabila gaji melebihi RM1,300 tetapi tidak melebihi RM1,400	RM2.70	RM2.70	RM5.40

## AKTA SISTEM INSURANS PEKERJAAN 2017 [AKTA 800]

BIL	GAJI BULANAN	CARUMAN MAJIKAN	CARUMAN PEKERJA	JUMLAH CARUMAN
19	Apabila gaji melebihi RM1,400 tetapi tidak melebihi RM1,500	RM2.90	RM2.90	RM5.80
20	Apabila gaji melebihi RM1,500 tetapi tidak melebihi RM1,600	RM3.10	RM3.10	RM6.20
21	Apabila gaji melebihi RM1,600 tetapi tidak melebihi RM1,700	RM3.30	RM3.30	RM6.60
22	Apabila gaji melebihi RM1,700 tetapi tidak melebihi RM1,800	RM3.50	RM3.50	RM7.00
23	Apabila gaji melebihi RM1,800 tetapi tidak melebihi RM1,900	RM3.70	RM3.70	RM7.40
24	Apabila gaji melebihi RM1,900 tetapi tidak melebihi RM2,000	RM3.90	RM3.90	RM7.80
25	Apabila gaji melebihi RM2,000 tetapi tidak melebihi RM2,100	RM4.10	RM4.10	RM8.20
26	Apabila gaji melebihi RM2,100 tetapi tidak melebihi RM2,200	RM4.30	RM4.30	RM8.60
27	Apabila gaji melebihi RM2,200 tetapi tidak melebihi RM2,300	RM4.50	RM4.50	RM9.00
28	Apabila gaji melebihi RM2,300 tetapi tidak melebihi RM2,400	RM4.70	RM4.70	RM9.40
29	Apabila gaji melebihi RM2,400 tetapi tidak melebihi RM2,500	RM4.90	RM4.90	RM9.80
30	Apabila gaji melebihi RM2,500 tetapi tidak melebihi RM2,600	RM5.10	RM5.10	RM10.20
31	Apabila gaji melebihi RM2,600 tetapi tidak melebihi RM2,700	RM5.30	RM5.30	RM10.60
32	Apabila gaji melebihi RM2,700 tetapi tidak melebihi RM2,800	RM5.50	RM5.50	RM11.00
33	Apabila gaji melebihi RM2,800 tetapi tidak melebihi RM2,900	RM5.70	RM5.70	RM11.40
34	Apabila gaji melebihi RM2,900 tetapi tidak melebihi RM3,000	RM5.90	RM5.90	RM11.80
35	Apabila gaji melebihi RM3,000 tetapi tidak melebihi RM3,100	RM6.10	RM6.10	RM12.20
36	Apabila gaji melebihi RM3,100 tetapi tidak melebihi RM3,200	RM6.30	RM6.30	RM12.60
37	Apabila gaji melebihi RM3,200 tetapi tidak melebihi RM3,300	RM6.50	RM6.50	RM13.00

BIL	GAJI BULANAN	CARUMAN MAJIKAN	CARUMAN PEKERJA	JUMLAH CARUMAN
38	Apabila gaji melebihi RM3,300 tetapi tidak melebihi RM3,400	RM6.70	RM6.70	RM13.40
39	Apabila gaji melebihi RM3,400 tetapi tidak melebihi RM3,500	RM6.90	RM6.90	RM13.80
40	Apabila gaji melebihi RM3,500 tetapi tidak melebihi RM3,600	RM7.10	RM7.10	RM14.20
41	Apabila gaji melebihi RM3,600 tetapi tidak melebihi RM3,700	RM7.30	RM7.30	RM14.60
42	Apabila gaji melebihi RM3,700 tetapi tidak melebihi RM3,800	RM7.50	RM7.50	RM15.00
43	Apabila gaji melebihi RM3,800 tetapi tidak melebihi RM3,900	RM7.70	RM7.70	RM15.40
44	Apabila gaji melebihi RM3,900 tetapi tidak melebihi RM4,000	RM7.90	RM7.90	RM15.80
45	Apabila gaji melebihi RM4,000 tetapi tidak melebihi RM4,100	RM8.10	RM8.10	RM16.20
46	Apabila gaji melebihi RM4,100 tetapi tidak melebihi RM4,200	RM8.30	RM8.30	RM16.60
47	Apabila gaji melebihi RM4,200 tetapi tidak melebihi RM4,300	RM8.50	RM8.50	RM17.00
48	Apabila gaji melebihi RM4,300 tetapi tidak melebihi RM4,400	RM8.70	RM8.70	RM17.40
49	Apabila gaji melebihi RM4,400 tetapi tidak melebihi RM4,500	RM8.90	RM8.90	RM17.80
50	Apabila gaji melebihi RM4,500 tetapi tidak melebihi RM4,600	RM9.10	RM9.10	RM18.20
51	Apabila gaji melebihi RM4,600 tetapi tidak melebihi RM4,700	RM9.30	RM9.30	RM18.60
52	Apabila gaji melebihi RM4,700 tetapi tidak melebihi RM4,800	RM9.50	RM9.50	RM19.00
53	Apabila gaji melebihi RM4,800 tetapi tidak melebihi RM4,900	RM9.70	RM9.70	RM19.40
54	Apabila gaji melebihi RM4,900 tetapi tidak melebihi RM5,000	RM9.90	RM9.90	RM19.80
55	Apabila gaji melebihi RM5,000 tetapi tidak melebihi RM5,100	RM10.10	RM10.10	RM20.20
56	Apabila gaji melebihi RM5,100 tetapi tidak melebihi RM5,200	RM10.30	RM10.30	RM20.60

## AKTA SISTEM INSURANS PEKERJAAN 2017 [AKTA 800]

BIL	GAJI BULANAN	CARUMAN MAJIKAN	CARUMAN PEKERJA	JUMLAH CARUMAN
57	Apabila gaji melebihi RM5,200 tetapi tidak melebihi RM5,300	RM10.50	RM10.50	RM21.00
58	Apabila gaji melebihi RM5,300 tetapi tidak melebihi RM5,400	RM10.70	RM10.70	RM21.40
59	Apabila gaji melebihi RM5,400 tetapi tidak melebihi RM5,500	RM10.90	RM10.90	RM21.80
60	Apabila gaji melebihi RM5,500 tetapi tidak melebihi RM5,600	RM11.10	RM11.10	RM22.20
61	Apabila gaji melebihi RM5,600 tetapi tidak melebihi RM5,700	RM11.30	RM11.30	RM22.60
62	Apabila gaji melebihi RM5,700 tetapi tidak melebihi RM5,800	RM11.50	RM11.50	RM23.00
63	Apabila gaji melebihi RM5,800 tetapi tidak melebihi RM5,900	RM11.70	RM11.70	RM23.40
64	Apabila gaji melebihi RM5,900 tetapi tidak melebihi RM6,000	RM11.90	RM11.90	RM23.80
65	Apabila gaji melebihi RM6,000	RM11.90	RM11.90	RM23.80

# AKTA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2022 [AKTA 838]



## Pengenalan



PERKESO telah memperkenalkan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (LINDUNG Kasih) di bawah peruntukan Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 [Akta 838] bermula 1 Disember 2022. Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah diwujudkan untuk meningkatkan kesihatan, keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan golongan suri rumah yang terlibat dalam pembangunan institusi keluarga dan ekonomi penjagaan (*care economy*).

LINDUNG Kasih memberi perlindungan kepada suri rumah terhadap bencana domestik, keilangan dan kematian (kematian atas sebarang sebab tertakluk kepada syarat yang ditetapkan). Bencana domestik adalah kecederaan diri yang dialami oleh suri rumah yang disebabkan oleh suatu kejadian berakibat daripada dan semasa menguruskan rumah tangga termasuklah semasa menguruskan ahli keluarga. Keilangan pula bermaksud suatu keadaan keuzuran yang berkekalan yang dialami oleh suri rumah yang menyebabkan suri rumah tersebut tidak berupaya melaksanakan sebahagian besar aktiviti pengurusan rumah tangga.

## Definisi Suri Rumah

Suri rumah di bawah Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 [Akta 838] ditakrifkan sebagai wanita, sama ada berkahwin atau belum berkahwin, yang menguruskan rumah tangga secara sepenuh masa atau secara separuh masa, termasuk seorang isteri, janda, balu atau ibu termasuklah ibu tunggal.

## Syarat Kelayakan

Suri rumah yang layak mencarum di bawah skim ini adalah seperti berikut:

- i. Warganegara atau Pemastautin Tetap Malaysia;
- ii. Belum mencapai umur 55 tahun; dan
- iii. Bagi penyertaan kali pertama, umur suri rumah hendaklah belum mencapai umur 54 tahun.

## Caruman Suri Rumah

Caruman LINDUNG Kasih adalah berjumlah **RM120.00** setahun yang perlu dibayar secara terlebih dahulu (*in advance*) bagi tempoh 12 bulan berturut-turut.

Caruman boleh dibuat oleh suami, suri rumah itu sendiri atau mana-mana pihak ketiga bagi pihak suri rumah tersebut. Sekiranya seorang suami memilih untuk membuat caruman bagi pihak isterinya, prinsip *once in always in* adalah terpakai bagi menjamin perlindungan berterusan kepada suri rumah.

Namun sekiranya suami tidak berupaya untuk meneruskan caruman disebabkan kehilangan pendapatan dan sebagainya, PERKESO perlu dimaklumkan dalam tempoh 60 hari sebelum tamat tempoh caruman sedia ada.

## Kaedah Pendaftaran dan Pembayaran Caruman

Pendaftaran dan pembayaran caruman LINDUNG Kasih boleh dilakukan secara:

- *Online* di Portal Suri: [suri.perkeso.gov.my](http://suri.perkeso.gov.my)
- Bayaran secara tunai atau QRPay di semua Pejabat PERKESO

### Nota:

Suri Rumah Berinsurans yang mencarum di bawah skim ini akan mendapat perlindungan bermula dari tarikh dan masa caruman dibayar. Nota Perlindungan akan diemel ke alamat emel yang telah didaftarkan.

## Faedah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (LINDUNG Kasih)

Faedah-faedah di bawah LINDUNG Kasih adalah seperti berikut:

FAEDAH DI BAWAH SKIM BENCANA DOMESTIK:	FAEDAH DI BAWAH SKIM KEILATAN:
<ul style="list-style-type: none"><li>• Faedah Perubatan</li><li>• Faedah Hilang Upaya Kekal</li><li>• Elaun Layanan Sentiasa</li><li>• Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Dialisis</li><li>• Faedah Pengurusan Mayat</li><li>• Pencen Penakat</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Elaun Keuzuran</li><li>• Elaun Layanan Sentiasa</li><li>• Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Dialisis</li><li>• Faedah Pengurusan Mayat</li><li>• Pencen Penakat</li></ul>

## AKTA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2022 [AKTA 838]

### Skim Bencana Domestik

Bencana domestik adalah kecederaan diri yang dialami oleh suri rumah yang disebabkan oleh suatu kejadian berakibat daripada dan semasa menguruskan rumah tangga termasuklah semasa menguruskan ahli keluarga dan bukan bagi apa-apa perusahaan, perdagangan, perniagaan atau profesion yang dijalankan olehnya.

Skim ini memberi perlindungan 24 jam kepada Suri Rumah Berinsurans terhadap kemalangan yang berlaku dalam tempoh carumannya.

#### Faedah Perubatan

Suri rumah yang mencarum atau dipanggil Suri Rumah Berinsurans (SRB) boleh mendapat rawatan percuma di klinik panel PERKESO atau klinik/hospital kerajaan jika berlaku kemalangan yang berpunca daripada bencana domestik.

Sekiranya kos rawatan telah dibayar oleh SRB, SRB boleh membuat tuntutan bayaran ganti belanja di Pejabat PERKESO yang berdekatan dan bayaran tersebut adalah tertakluk kepada Akta Fi 1951.

#### Faedah Hilang Upaya Kekal

SRB yang mengalami hilang upaya kekal akibat daripada bencana domestik dan telah ditaksirkan oleh Penilai Perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan berhak untuk menerima bayaran Faedah Hilang Upaya Kekal. Bayaran faedah adalah secara pukal sehingga **RM30,000.00** mengikut jenis kecederaan bagi satu tempoh caruman.

#### Elaun Layanan Sentiasa

SRB yang menerima Faedah Hilang Upaya Kekal atau Elaun Keuzuran dan tidak berupaya menguruskan diri sendiri dan memerlukan layanan peribadi orang lain, layak menerima Elaun Layanan Sentiasa sebanyak **RM250.00** sebulan.

#### Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Dialisis

Pembiayaan pemulihan sehingga **RM50,000.00** dalam satu tempoh caruman akan diberikan kepada SRB yang telah diperakukan menghidap keilangan atau hilang upaya kekal oleh Penilai Perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan dan disyor memerlukan kemudahan pemulihan jasmani atau dialisis.

SRB akan dibekal dan dipasang dengan alat prostetik, ortotik atau alat lain yang bersesuaian seperti kerusi roda, tilam khas, tongkat dan lain-lain, tanpa kos sekiranya keadaan memerlukan.

SRB juga akan diberikan bantuan dialisis sebanyak **RM200.00** sebulan (tertakluk kepada Akta Fi 1951) sehingga mencapai umur 55 tahun sekiranya suri rumah tersebut disyor untuk rawatan dialisis.

## Faedah Pengurusan Mayat

Jika Suri Rumah Berinsurans meninggal dunia sebelum mencapai umur 55 tahun akibat bencana domestik atau sedang menerima Elaun Kezuratan atau meninggal dunia atas apa-apa sebab dalam tempoh perlindungan, bayaran Faedah Pengurusan Mayat sebanyak **RM3,000.00** (berkuatkuasa mulai 1 Jun 2024) akan dibayar kepada orang tanggungan yang layak atau pihak yang menanggung perbelajaan pengebumian.

## Pencen Penakat

Waris atau orang tanggungan yang layak akan menerima Pencen Penakat sehingga **RM300.00** sebulan sekiranya SRB meninggal dunia sebelum mencapai umur 55 tahun akibat bencana domestik atau sedang menerima Elaun Kezuratan atau meninggal dunia atas apa-apa sebab dalam tempoh perlindungan.

Pencen Penakat dibayar kepada duda dan anak. Sekiranya SRB tidak meninggalkan duda atau anak, bayaran Pencen Penakat dibayar kepada ibu bapa suri rumah. Orang tanggungan yang layak menerima Pencen Penakat mengikut syer dijelaskan seperti di bawah:

**Syer Orang Tanggungan bagi Pencen Penakat adalah seperti berikut:**

ORANG TANGGUNGAN	SYER	KETERANGAN
Duda	3/5	<ul style="list-style-type: none"><li>Layak menerima Pencen Penakat sehingga umur 55 tahun atau sehingga berkahwin semula atau sehingga meninggal dunia, mengikut mana yang lebih awal.</li></ul>
Anak	2/5	<ul style="list-style-type: none"><li>Layak menerima Pencen Penakat sehingga umur 21 tahun atau sehingga berkahwin, mengikut mana yang lebih awal.</li><li>Sekiranya anak melanjutkan pelajaran di IPT, bayaran Pencen Penakat akan dibayar sehingga anak tamat ijazah pertama.</li><li>Syer anak dinaikkan 3/5 jika tiada duda atau duda meninggal dunia.</li><li>Anak OKU akan menerima Pencen Penakat selagi dia tidak berupaya menanggung dirinya sendiri atau sehingga anak tersebut berumur 55 tahun, mengikut mana yang lebih awal.</li></ul>
Ibu bapa	4/10	<ul style="list-style-type: none"><li>Ibu bapa akan menerima Pencen Penakat sekiranya Suri Rumah Berinsurans tidak meninggalkan duda atau anak.</li><li>Ibu bapa menerima Pencen Penakat sehingga umur 55 tahun atau sehingga meninggal dunia, mengikut mana yang lebih awal.</li></ul>

## AKTA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2022 [AKTA 838]

### Skim Keilatan

Suri Rumah Berinsurans dianggap sebagai menghidap keilatan apabila sesuatu keadaan keuzuran tersebut disifatkan sebagai berkekalan dan tidak berupaya mengambil bahagian dalam apa-apa sebahagian besar aktiviti seorang suri rumah.

Skim ini memberi perlindungan 24 jam kepada suri rumah dari keilatan atau kematian akibat daripada sebarang sebab yang berlaku dalam tempoh perlindungannya.

Kadar Elaun Keuzuran dan Pencen Penakat ditetapkan berdasarkan kadar harian, dengan jumlah asas bersamaan 50% daripada pendapatan bulanan anggapan seorang suri rumah, iaitu **RM600.00**.

### Elaun Keuzuran

SRB akan menerima Elaun Keuzuran sebanyak **RM300.00** sebulan sekiranya SRB disahkan menghidap keilatan dalam tempoh perlindungan oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan. Elaun Keuzuran akan dibayar sehingga umur 55 tahun atau sehingga meninggal dunia, mengikut mana yang lebih awal.

### Elaun Layanan Sentiasa

SRB yang menerima Faedah Hilang Upaya Kekal atau Elaun Keuzuran dan tidak berupaya menguruskan diri sendiri dan memerlukan layanan peribadi orang lain, layak menerima Elaun Layanan Sentiasa sebanyak **RM250.00** sebulan.

### Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Dialisis

Pembiayaan pemulihan sehingga **RM50,000.00** dalam satu tempoh caruman akan diberikan kepada SRB yang telah diperakukan menghidap keilatan atau hilang upaya kekal oleh Penilai Perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan dan disyor memerlukan kemudahan pemulihan jasmani atau dialisis.

SRB akan dibekal dan dipasang dengan alat prostetik, ortotik atau alat lain yang bersesuaian seperti kerusi roda, tilam khas, tongkat dan lain-lain, tanpa kos sekiranya keadaan memerlukan.

SRB juga akan diberikan bantuan dialisis sebanyak **RM200.00** sebulan (tertakluk kepada Akta Fi 1951) sehingga mencapai umur 55 tahun sekiranya suri rumah tersebut disyor untuk rawatan dialisis.

### Faedah Pengurusan Mayat

Jika Suri Rumah Berinsurans meninggal dunia sebelum mencapai umur 55 tahun akibat bencana domestik atau sedang menerima Elaun Keuzuran atau meninggal dunia atas apa-apa sebab dalam tempoh perlindungan, bayaran Faedah Pengurusan Mayat sebanyak **RM3,000.00** (berkuatkuasa mulai 1 Jun 2024) akan dibayar kepada orang tanggungan yang layak atau pihak yang menanggung perbelajaan pengebumian.

### Pencen Penakat

Waris atau orang tanggungan yang layak akan menerima Pencen Penakat sehingga **RM300.00** sebulan sekiranya SRB meninggal dunia sebelum mencapai umur 55 tahun akibat bencana domestik atau sedang menerima Elaun Keuzuran atau meninggal dunia atas apa-apa sebab dalam tempoh perlindungan.

Pencen Penakat dibayar kepada duda dan anak. Sekiranya SRB tidak meninggalkan duda atau anak, bayaran Pencen Penakat dibayar kepada ibu bapa suri rumah. Orang tanggungan yang layak menerima Pencen Penakat mengikut syer dijelaskan dalam jadual di muka surat 59.



### Kaedah Membuat Permohonan Tuntutan Faedah:

Melengkapkan Borang Tuntutan Faedah LINDUNG Kasih (Borang SR6) yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang rasmi PERKESO [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau boleh diperolehi dari kaunter Pejabat PERKESO.

## DIREKTORI PEJABAT PERKESO

IBU PEJABAT	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Menara PERKESO 281, Jalan Ampang 50538 Kuala Lumpur	
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Wisma PERKESO No. 155, Jalan Tun Razak 50400 Kuala Lumpur	
SELANGOR	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Wisma PERKESO Lot 141, Seksyen 6 Jalan Selangor 46990 Petaling Jaya, Selangor	<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Menara PERKESO Putrajaya No. 6, Persiaran Perdana Presint 2, 62100 Putrajaya
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Wisma PERKESO Tower C, BBT One, Lebuh Batu Nilam 3, Bandar Bukit Tinggi, 41200, Klang, Selangor	<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> No. 38, Jalan Ria Mas 1 Taman Ria Mas 45500 Tanjung Karang Selangor
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> 29, Jalan Setia Rawang 1 KM 25, Jalan Ipoh 48000 Rawang, Selangor	
JOHOR	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Wisma PERKESO No. 26, Jalan Susur 5 Jalan Tun Abdul Razak, Larkin 80200 Johor Bahru, Johor	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> No. 34 & 35, Jalan Pesta ½ Taman Tun Dr. Ismail, Jalan Bakri, 84000 Muar, Johor	<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Pejabat PERKESO Batu Pahat No. 16 & 17, Jalan Setia Jaya, Taman Setia Jaya, 83000 Batu Pahat, Johor
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> No. 28, Jalan Duku Jalan Kg Haji Manan 86000 Kluang, Johor	<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> No. 13, Jalan Emas Taman Batu Hampar 85000 Segamat, Johor
PULAU PINANG	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Wisma PERKESO No. 3012, Lebuh Tenggiri 2 13700 Seberang Jaya Perai, Pulau Pinang	

<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Wisma PERKESO No. 269, Jalan Burma 10538 Georgetown, Pulau Pinang	
<b>PERAK</b>	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Wisma PERKESO, No. 83, Jalan Hospital 30450 Ipoh, Perak	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> No. 8E/8F, Plot 3000 & 3001 Jalan Raja Chulan 33000 Kuala Kangsar, Perak	<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Lot 5399, No. 6 & 7 Jalan Bidor, 35000 Tapah, Perak
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> No. 8 – 10, Medan Sri Intan Jalan Sekolah 36000 Teluk Intan, Perak	<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> No. 125 & 126 Jalan PPMP 3/3 Pusat Perniagaan Manjung Point 32040 Sri Manjung Perak.
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> No. 33 & 35, Persiaran TBC Taiping Business Centre 34000 Taiping, Perak	
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Wisma PERKESO Lot 3757, Lot. 52 Jalan Sg. Ujong 70000 Seremban, Negeri Sembilan	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> (Pejabat Satelit) Pejabat PERKESO Kuala Pilah No. 8 & 9, Jalan Melang 1, Pusat Komersial Melang, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan	
<b>MELAKA</b>	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Wisma PERKESO Jalan Persekutuan MITC Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya 75450 Melaka	
<b>KEDAH</b>	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Wisma PERKESO, Lot. 186, Jalan Teluk Wanjah 05538 Alor Setar, Kedah	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Lot 11, No 11G, 11-1, 11-2 & 11-3 Mahacity, Jalan Mahawangsa Kuah, 07000 Langkawi	<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Wisma PERKESO 582 & 583, Lorong Kemuning 1 Taman Kemuning, 09000 Kulim, Kedah

<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> No. 30 & 31, Lengkok Cempaka 1 Persiaran Cempaka Bandar Aman Jaya 08000 Sungai Petani, Kedah	
<b>KELANTAN</b>	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Wisma PERKESO, PT 304 - 307, Seksyen 22, Jalan Kota Darul Naim, 15538 Kota Bharu, Kelantan	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Lot 2441, Mukim Bandar Kuala Krai Bandar Kuala Krai 18000, Kuala Krai, Kelantan	
<b>TERENGGANU</b>	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Wisma PERKESO, Lot 2467, Jalan Air Jerneh 20538 Kuala Terengganu Terengganu	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Lot PT 16086 & Lot PT 16087 Taman Chukai Utama, Jalan Kubang Kurus, 24000, Kemaman, Terengganu	<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> (Pejabat Satelit) Lot 8433, Jalan Yahya Ahmad 23000 Dungun, Terengganu
<b>PAHANG</b>	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Wisma PERKESO Jalan Mat Kilau 25000 Kuantan, Pahang	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> No. 19 & 21, Jalan Sudirman 3 Bandar Baru Seri Semantan 28000 Temerloh, Pahang	<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> TB-P4, Pusat Perniagaan Ketari Jalan Ketari, 28700 Bentong, Pahang
<b>PERLIS</b>	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> No. 6A & 8A, Jalan Hospital 01000 Kangar, Perlis	
<b>SABAH</b>	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Wisma PERKESO, No. 11, Lorong Sempelang Tanjung Aru 88100 Kota Kinabalu, Sabah	
<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> No. 4294 & 4295 Lot 1 & 2 Jalan Budi 91000 Tawau, Sabah	<b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> No. 2, Ground Floor- 3Rd Block A, Beaufort Squara Avenue 2 89800 Beaufort, Sabah

<p><b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> MDLD 3827, Fejar Centre, Peti Surat 61193, 91120 Lahad Datu, Sabah</p>	<p><b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> (Pejabat Satelit) Block A1, Lot No. 2 Tingkat Bawah, 1&amp; 2 Bandau Commercial Centre, Phase 1 89108 Kota Marudu, Sabah</p>
<p><b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Tingkat 1 &amp; 2, Lot 22, Blok B, ADIKA Commercial Complex, Peti Surat 704, 89008 Keningau, Sabah</p>	<p><b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Pejabat PERKESO Sandakan Lot 203 &amp; 204, Blok 23, Fasa 3, Bandar Prima, Batu 4, 90000, Sandakan Sabah</p>
<b>WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN</b>	
<p><b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Pejabat PERKESO Wilayah Persekutuan Labuan Tingkat 1, Bangunan Public Bank Jalan Merdeka, Peti Surat 80394 87014 Wilayah Persekutuan Labuan.</p>	
<b>SARAWAK</b>	
<p><b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Wisma PERKESO Lot 436, Section 54, No. 52 Travillion Commercial Centre Jalan Padungan, 93100 Kuching, Sarawak</p>	
<p><b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Lot 1184 &amp; 1185, Blok 9 M.C.LD Miri Water Front Commercial Centre 98000 Miri, Sarawak</p>	<p><b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> No. 3, Sublot 5, Jalan Nenas 96100 Sarikei, Sarawak</p>
<p><b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Lot 647, Sublot 4, Jalan Paya, Peti Surat 301 95000 Sri Aman, Sarawak</p>	<p><b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> (Pejabat Satelit) Sublot 6, Lot 2141 New Township Extension, Jalan Green, 96400 Mukah, Sarawak</p>
<p><b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> No. 180, Lot 3466, Tingkat Bawah, Tingkat 1 &amp; 2, Parkcity Commerce Square Jalan Tun Ahmad Zaidi, P.O Box 957 97008 Bintulu, Sarawak</p>	<p><b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Lot 1083 Jalan Buangsiol Limbang Town District 98700 Limbang, Sarawak</p>
<p><b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> No. 1-5, Lorong Pahlawan 7 Jalan Pahlawan, 96000 Sibul, Sarawak</p>	<p><b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Sublot 9 &amp; 10, Lot 372 Serian Town District Serian ByPass Road 94700, Serian Sarawak</p>
<p><b>PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</b> Tingkat Bawah, Satu dan Dua, Di Sublot 8, Lot 3125, Blok 13, Menuan Land District, Peti Surat 4351, 96800 Kapit, Sarawak</p>	

# SALURAN KHIDMAT PELANGGAN



Talian Khidmat Pelanggan  
**1 300 22 8000**



Laman Sesawang  
**[www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my)**



E-mel  
**[perkeso@perkeso.gov.my](mailto:perkeso@perkeso.gov.my)**



Saluran Aduan / Pertanyaan, Sila layari  
**<http://perkeso.spab.gov.my>**

## Laman Sesawang Sosial



**<https://www.instagram.com/perkeso.official>**



**<https://www.facebook.com/PERKESO.Official>**



**<https://x.com/perkesoofficial>**



**<https://www.tiktok.com/@perkesoofficial>**



**<https://www.linkedin.com/company/pertubuhan-keselamatan-sosial-perkeso->**



imbas disini

MENARA PERKESO

Mayban



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



PERKESO

## PENAFIAN

Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau maklumat lengkap mengenai sesuatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai alternatif kepada nasihat guaman.

© Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, gambar dan isi kandungan ini dalam apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial.













KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



**PERKESO**

## **PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**

MENARA PERKESO

281, JALAN AMPANG, 50538 KUALA LUMPUR